


Jilid II
Bil. 11



Hari Khamis
26hb Jun, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 1413]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan) [Ruangan 1458]

Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan) [Ruangan 1470]

Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) [Ruangan 1475]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M. S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., DATUK KAYA PATI (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jilid II

Khamis, 26hb Jun, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEMASARAN HASIL PERTANIAN

1. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Pertanian menyatakan dasar Kementerian untuk mengelakkan petani-petani dari dieksploitasi oleh orang tengah bersabit dengan pengangkutan dan pemasaran hasil-hasil tani mereka seperti yang telah berlaku di Cameron Highlands baru-baru ini sebelum FAMA mengambil tindakan untuk membantu penanam tomato di sana.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Pertanian untuk menjaga petani-petani daripada dilindas oleh orang-orang tengah dengan menubuhkan koperasi-koperasi peladang yang kuat dan menyediakan beberapa kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan pemasaran melalui berbagai agensi seperti FAMA dan L.P.P. Perkhidmatan pemasaran yang disediakan oleh FAMA termasuk penglibatan FAMA dalam pasaran (marketing intervention) adalah untuk memastikan adanya ruang-ruang pasaran bagi hasil-hasil pertanian dengan harga yang berpatutan seperti dalam masalah pemasaran tomato di Cameron Highlands baru-baru ini.

FAMA akan dapat bergiat dengan lebih sempurna dalam memasarkan hasil-hasil petani apabila bilik-bilik sejuk sebanyak 24 buah yang sedang dibina sekarang siap dan berjalan. Bilik-bilik sejuk itu akan membantu petani-petani mendapatkan harga yang lebih

stabil kerana lebih hasil-hasil pertanian tersebut akan dapat disimpan dan dijual semula kemudian.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa ramai petani-petani kita dalam tanahair ini enggan menyertai koperasi peladang atau Lembaga Pertubuhan Peladang dengan sebab beberapa syarat yang dikenakan kepada petani-petani kita itu berat sangat. Dengan itu adakah Kementerian ini pada satu ketika kelak mengkaji semula dasar koperasi peladang dan Lembaga Pertubuhan Peladang supaya dapat diikuti oleh peladang-peladang kita di tanahair kita ini.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan perkara itu akan dikaji.

UPAH MENANAM PADI

2. **Datuk Syed Hassan Aidid (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah upah menanam padi yang mana didapati pada tahun ini naik hingga \$50.00 serelung berbanding dengan \$43.00 serelung pada tahun yang lalu dan dipercayai akan naik lagi pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian menyedari bahawa upah menanam padi sekarang kian meningkat. Peningkatan upah itu berlaku akibat kekurangan tenaga buruh sejak beberapa tahun yang kebelakangan ini.

Langkah utama yang sedang diambil bagi mengatasi masalah ini ialah menggalakkan penggunaan jentera menanam padi. Satu usaha bersama di antara MARDI, Jabatan Pertanian, MADA dengan kumpulan saintis-saintis daripada Negeri Jepun telah dijalankan untuk mengadakan jentera menanam

yang sesuai dengan keadaan tempatan. Pada masa ini beberapa buah jentera prototype telah dihasilkan dan kajian lanjut serta penyesuaian masih perlu dijalankan sebelum jentera-jentera itu diperkenalkan kepada petani-petani.

Adalah diharapkan dengan penggunaan jentera kelak, akan dapat menstabilkan harga upah menanam padi sebagaimana harga upah menuai yang telah dapat distabilkan apabila penggunaan jentera penuai diperkenalkan kepada petani-petani.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya rungutan upah menanam dan memotong padi ini tinggi telah lama. Apakah rancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah menanam dan memotong padi dengan segera dengan tidak mengeluarkan perbelanjaan yang besar.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Saya sudah jawab pertanyaan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan kekurangan tenaga buruh salah satu daripada sebab kenaikan ini. Adakah Kementerian yang berkenaan bercadang hendak mengadakan penanaman padi ini dibuat cara estet sebagaimana dijalankan oleh FELDA menanam getah sekarang ini. Saya fikir itu salah satu cara yang boleh dapat mengatasi penanaman-penanaman padi ini boleh jadi ekonomik.

Kedua, apakah cara Kementerian Pertanian ini dapat membantu petani-petani ini supaya penanaman-penanaman padi ini dapat dijalankan dengan ekonomik, kehidupannya terjamin bukan sebagaimana keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menambah sedikit penjelasan. Umpamanya, kalau kita ada suku ekar tanah di Jepun ataupun di Korea—ini di Asia, maka petani itu menjadi salah seorang yang kaya tetapi di tanahair kita ini petani ini miskin, papa. Apakah caranya Kerajaan dapat mengatasi masalah ini?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang pertama, sekarang Kementerian ini belum dapat mengadakan rancangan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Jadi berkenaan dengan pertanyaan kedua, Geraktani telah mengkaji cara-cara untuk meninggikan taraf hidup petani di negara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Kita berterima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bahawa Kementerian Pertanian akan mengkaji bagi membaiki taraf hidup petani khususnya penanam padi. Tadi telah dinyatakan bahawa kos penanaman padi telah bertambah, adakah Kerajaan sedang mengkaji bahawa harga padi itu patut dinaikkan daripada harga yang ada sekarang dan kalau Kerajaan kata tak boleh dinaikkan apakah sebabnya harga padi tak boleh dinaikkan?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Itu di luar daripada jajaan Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Semalam sudah ada dijawab.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang timbul ialah tuan-tuan punya tanah itu memberi upah, mereka tidak mengerjakan sendiri tanahnya tetapi diberi upah kepada orang lain mengerjakan tanahnya. Maka timbullah masalah sebagaimana yang dikatakan tadi iaitu menaikkan sewa mengerjakan tanah itu.

Bolehkah atau tidak pihak Kementerian mengadakan undang-undang sebagaimana yang dibuat di Melaka iaitu diadakan satu undang-undang sesiapa yang mempunyai sawah padi dan tidak mengerjakan sawah padi itu menjadi satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah undang-undang itu?

Yang keduanya, orang-orang yang mengerjakan tanah sawah itu diberikan bahagian macam pawah, tidak semata-mata diupah. Jadi dengan jalan diberi pawah atau diberi sebahagian daripada padi yang dikerjakan itu, saya fikir ini boleh mengurangkan upah. Bolehkah pihak Kementerian menimbangkan perkara ini?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Pertanyaan kedua itu, ada kemungkinan bahawa cadangan itu diterima jika kita ada menerima persetujuan dari Kerajaan-kerajaan Negeri, tetapi sehingga sekarang ini kalau tak silap saya, belum terdapat sebarang persetujuan.

PERTUKARAN MATA WANG ASING—NILAI DAN KADAR

3. Tuan Yap Peng minta Menteri Kewangan menyatakan langkah yang beliau akan ambil untuk memperkukuhkan nilai wang Malaysia setanding dengan nilai wang Singapura.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pertukaran matawang Ringgit adalah ditentukan secara bebas oleh permintaan dan penawaran matawang dalam pasaran pertukaran wang asing. Nilai Ringgit tidak terikat kepada satu matawang sahaja tetapi kepada rencaman atau composite matawang rakan-rakan perdagangan utama Malaysia. Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk mens'abilkan nilai harian matawang Ringgit dalam pasaran pertukaran wang asing. Dengan lain-lain perkataan, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan untuk menggalakkan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran wang asing.

Ahli Yang Berhormat tentu maklum, bahawa Singapura adalah salah satu daripada rakan-rakan perdagangan Malaysia, oleh itu, Dollar Singapura cuma merupakan salah satu sahaja daripada matawang-matawang rasmi yang digunakan di Malaysia untuk menyelesaikan pembayaran antarabangsa. Oleh itu, tidak ada sebab kita perlu menyamakan nilai Ringgit dengan nilai Dollar Singapura. Tugas utama Kerajaan adalah untuk memastikan bahawa nilai Ringgit adalah kukuh dan stabil sebanding dengan rencaman matawang-matawang utama di dunia sebagai satu kumpulan dan tidak dengan sesuatu matawang sahaja samada Dollar Singapura, Dollar Amerika Syarikat ataupun lain-lain matawang asing. Oleh itu, sukalah saya menekan di Dewan ini kita haruslah sedar bahawa Dollar Singapura cuma salah satu daripada matawang-matawang antarabangsa yang kita gunakan di dalam pengurusan perdagangan antarabangsa kita. Di samping itu sekiranya dibandingkan dengan nilai matawang-matawang Amerika Syarikat, Jepun dan beberapa buah negara lain, nilai Ringgit telah bertambah kukuh.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat tahu yang mana lebih tinggi, nilai wang Singapura ataupun ringgit Malaysia kerana apabila di Malaysia ringgit Malaysia yang tinggi, wang Singapura pertukarannya rendah, apabila ke Singapura, ringgit Malaysia jauh rendah,

dollar Singapura tinggi. Bagi makluman Timbalan Menteri berkenaan terlampau banyak orang Malaysia ini pergi ke Singapura daripada orang Singapura ke Malaysia. Jadi maknanya kita yang rugi. Apakah cara atau satu langkah saya sudah bercakap dalam Dewan ini dahulu—seboleh-bolehnya kalau boleh di Johor Bahru itu adakan tempat pertukaran yang senang. Menteri sudah jawab mengatakan: Oh! di bank-bank di Johor Bahru itu diadakan tempat pertukaran yang senang. Menteri sudah jawab mengatakan: Oh! di bank-bank di Johor Bahru boleh menerima. Dua jam belum dapat menukar lagi duit; itu masalahnya. Kementerian ini patut ambil berat mengatasinya, jangan cara bank tetapi cara money-changer dekat Woodlands, di kawasan Kastam kita itu pun banyak dibuat pusat pertukaran, sehingga tak ada orang mencurinya. Ini saya harap Timbalan Menteri berkenaan dapat mengatasi, bukan menolong orang-orang yang menukar duit ke bank, itu orang kaya-kaya. Apa yang kita ceritakan orang-orang yang naik bas yang beribu-ribu sehari. Macam mana Timbalan Menteri berkenaan dapat mengatasi supaya dapat menukar duit Malaysia dengan duit Singapura di Johor Bahru, bukan di Singapura.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang pelancong atau pengembara itu keluar daripada Malaysia, baik dia pergi ke Singapura, ke Thailand, ke England atau ke Amerika, maka dia itu akan terdedah kepada apa juga perubahan-perubahan di dalam kadar pertukaran wang asing antara wang kita dengan negeri di mana kita pergi. Jadi mengambil contoh Singapura sahaja, saya rasa tidak adil, kerana kalau kita pergi ke England sekalipun, ke Amerika sekalipun, kalau kebetulan pada hari itu exchange rate telah bertukar di mana nilai wang kita lebih kukuh berbanding dengan wangnya, maka kita untung, tetapi kalau tatkala kita sampai ke sesebuah negeri itu exchange ratenya di mana wang kita rendah daripada wang asing, maka kita mengalami kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma menielaskan bahawa ini keadaan memang berlaku di dalam pasaran matawang biasa, kerana Johor itu dekat dengan Singapura, Yang Berhormat Datuk itu orang Johor, maklumlah bersimpati dengan rakyat Malaysia yang ke Singapura. Membeli-belah ke Singapura tanpa sebab yang wajar itupun saya tak faham juga,

banyak membeli barang di Singapura tidak mahu menyokong membeli barang dalam negeri sendiri.

Tentang masalah pertukaran wang lambat di bank itu, insya Allah, saya akan mengambil perhatian dan akan cuba menyampaikan kepada pihak berkenaan iaitu Bank Negara untuk meneliti dan untuk pengetahuan juga ada pengurap-pengurap wang (money-changers) yang bertugas atau diberi lesen di Johor sendiri untuk kemudahan. Akan tetapi, saya berharaplah jangan kita gunakan alasan orang-orang Johor ramai membeli belah ke Singapura sebagai satu hujah, kerana kita tidak menggalakkan rakyat kita pergi berbelanja ke negeri lain, kalau boleh barang itu ada di negeri kita, belilah di sini.

MINYAK MENTAH—KELUARAN MALAYSIA

4. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Perdana Menteri menyatakan keluaran minyak mentah mengikut tong yang diperolehi dari telaga minyak di Sarawak, Sabah dan Trengganu pada tiap-tiap hari.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Secara purata keluaran harian minyak mentah dari telaga minyak di negeri-negeri Sarawak, Sabah dan Trengganu, umpamanya, bagi bulan Mac, 1980 adalah seperti berikut:

Sarawak	100,500	tong
Sabah	76,300	"
Trengganu	113,000	"
			JUMLAH	...	289,800
					..

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya sedikit sahaja iaitu adakah sebanyak 289,800 tong ini yang didapati tiap-tiap hari itu dikeluarkan daripada telaga minyak itu diambil sehabis-habisnya ataupun memang tidak diambil semua sekali oleh kerana dipandangkan ini kita buat reserve pada masa yang akan datang. Jadi kalau

kita keluarkan semuanya dengan full speed boleh jadi dapat 500,000 tong satu hari ataupun ini adalah penghabisan sekali satu hari kita keluarkan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh pastikan bahawa keluaran ini ialah sampai keluaran yang sebolehnya, sebab ini adalah teknikal, tetapi Kerajaan sekarang ada satu Jawatankuasa untuk mengkaji, menyelamatkan conservation tenaga dan Jawatankuasa ini akan mengkaji sampai ke paras mana yang boleh dikatakan optimum supaya kita boleh menyelamatkan pengeluaran minyak mentah ini untuk kegunaan negara kita di sepanjang-panjang masa.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu di antara 289,800 tong hasil minyak yang dikeluarkan dalam negara ini, berapa banyakkah minyak mentah ini yang ditapis di luar negara ini sendiri, dan berapakah kos penapisan minyak ini dalam tiap-tiap satu tong, benarkah minyak yang dikeluarkan di negara ini ditapis di Pulau Bukum, Singapura.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak minta notis atas soalan ini?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun jumlah minyak mentah yang dikeluarkan ialah 289,800 tong, tetapi yang mana diperolehi oleh pihak Kerajaan Malaysia iaitu melalui PETRONAS cuma 6% sahaja dan sebahagian daripada itu dipulang balik kepada syarikat-syarikat yang menguruskan minyak mentah ini dan daripada bahagian yang ada di PETRONAS kebanyakannya dijual sebagai minyak mentah terus dan cuma sebahagian yang kecil sahaja ditapis (drefined) yang ada di Pulau Bukum dengan satu processing arrangement.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, angka 289,800 tong sehari dikeluarkan ini amat subur negara kita dan kaya, jadi saya hendak bertanya, sebenarnya saya tidak faham berkenaan dengan nilai tong. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu:

Pertama, nilai satu tong berapa, jadi kalau 289,800 tong berapa nilainya lebih kurang dalam sehari.

Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan itu dalam bulan Mac, jadi saya hendak bertanya sebulan lebih kurang berapa million hasil yang didapati daripada petrol dari tiga negeri dalam Malaysia ini.

Ketiga, adakah pengeluaran minyak yang kita pandang sangat penting sekarang ini ia bertambah dari sehari ke sehari banyaknya ataupun makin kurang.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama satu tong ialah tong yang dipakai di antarabangsa dalam istilah petroleum 44 gelen satu tong dan harganya pada masa sekarang adalah berbeza, tetapi OPEC telah menetapkan baru-baru ini sebagai harga "benchmark" US \$32 satu tong. Dan kedua, nilai satu bulan ini kena mengambil masa untuk mengira, jadi saya minta notis.

Ketiga, sama ada sudah sampai keperingkat yang terbanyak atau tidak, ini belum dapat dipastikan, tetapi semakin lama kita mencari minyak, trend itu telah naik tetapi belum sampai kemuncak lagi.

UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN DALAM BAHASA INGGERIS— BAHASA MALAYSIA

5. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) jumlah Undang-undang Persekutuan (Dalam bahasa Inggeris) yang dikuatkuasakan di Malaysia sehingga 1967; dan
- (b) jumlah Undang-undang tersebut yang telah diterjemahkan ke Bahasa Malaysia selepas 1967.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, jumlah Undang-undang Persekutuan dalam bahasa Inggeris yang dibuat sehingga tahun 1967 dan sedang berkuatkuasa di Malaysia ialah sebanyak 324. Setakat ini daripada jumlah 324 undang-undang tersebut, 34 undang-undang telah diterjemahkan ke Bahasa Kebangsaan selepas tahun 1967 dan juga pada masa ini ada 43 undang-undang sedemikian yang naskah Bahasa Kebangsaan-nya sedang disediakan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Daripada 324 buah undang-undang di dalam bahasa Inggeris, cuma 34 buah sahaja yang baru diterjemahkan. Daripada tahun 1967 sampai sekarang 1980 sudah 13 tahun bererti tiga buah sahaja setahun diterjemahkan, jadi hendak mencukupi 324 buah, berapa tahun boleh disiapkan? (*Ketawa*) Saya harap dapat anggarannya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, berapa tahunkah boleh siap undang-undang yang sebanyak 324 dalam bahasa Inggeris kalau sekiranya mengikut perkiraan ini hanyalah 3 buah sahaja dalam setahun.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang selepas daripada tahun 1967 telahpun diterjemahkan ke Bahasa Kebangsaan, angka 34 ini yang telah diterjemahkan ialah undang-undang sebelum daripada tahun 1967 yang kesemuanya itu berjumlah 324 dalam bahasa Inggeris. Jadi menjawab berapa lama lagi mengambil masa, kita terpaksa mengambil masa untuk menerjemah kesemuanya 324 itu adalah sukar sedikit hendak diramalkan sekarang ini, bagaimanapun beransur-ansur kita telah dapat penambahan pegawai-pegawai penterjemah di Kementerian Undang-undang sejak tahun ini.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, satu seksyen yang pantas dan cepat tentu telah diadakan oleh Kementerian ini bagi pihak penterjemah undang-undang bagi memenuhi kehendak Perlembagaan Negara. Saya percaya sekarang sudah diadakan, jadi saya suka bertanya:

Pertama, berapa orang yang sudah diadakan di Jabatan Undang-undang bagi penterjemah daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu.

Kedua, berapa banyak wang Kementerian Undang-undang ini telah disediakan untuk menterjemah undang-undang daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Kebangsaan sebagai kata sahabat saya tadi daripada tahun 1967 hanya 34 undang-undang sahaja pada hal kita ada 324 undang-undang bahasa Inggeris yang perlu diterjemahkan supaya dasar menggunakan Bahasa Kebangsaan itu tercipta sebagai kehendak Perlembagaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini kita ada 14 orang yang membuat terjemahan dan mengenai estimate perbelanjaan untuk masa yang akan datang ini sebenarnya apa yang dikehendaki ialah penambahan bilangan pegawai-pegawai penterjemah dan penambahan ini kita dapati setiap tahun seperti saya katakan tadi kelulusan yang kita dapati ialah daripada pihak Kerajaan.

UNIVERSITI TERBUKA

6. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah menubuhkan satu jawatan-kuasa tertinggi untuk mengkaji konsep universiti terbuka dalam negeri ini dan nyatakan juga sikap Kerajaan terhadap konsep ini.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pada masa saya menyebut tentang konsep Universiti terbuka ini, tujuan saya sebenarnya ialah untuk mendapat pemikiran rakyat jelata terhadap konsep tersebut lebih-lebih lagi daripada kalangan cendekiawan. Pada ketika ini, saya sedang mengkaji atas kesesuaian serta implikasi sistem universiti terbuka ini.

Kesesuaiannya harus dihalusi dan saya tidak bercadang melaksanakannya dengan terburu-buru.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran atas konsep tersebut, bagaimanakah sikap dan sambutan cendekiawan, cerdik pandai dan juga pelajar-pelajar kita dalam tanahair kita ini?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini apa yang saya dapat pastikan ialah melalui akhbar-akhbar dan saya belum dapat apa-apa pendapat lagi yang bertulis tetapi mengikut berita daripada akhbar tidak begitu ramai yang mengambil bahagian di dalam perbincangan ini dan ada yang kata molek, ada yang kata tidak, tetapi ini barangkali ialah disebabkan berlainan persepsi ataupun gambaran yang terdapat daripada satu kalangan dengan kalangan yang lain dan ini memang kena pula dengan tujuannya oleh sebab konsep universiti terbuka ini berlainan di antara satu negeri dengan satu negeri yang

lain tetapi seperti yang saya katakan dalam perbincangan-perbincangan dan pendapat-pendapat ini perlulah saya sendiri mempelajarinya, mengkajinya dan memahami sebelum saya membuat sesuatu keputusan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Menyentuh soal konsep universiti terbuka yang mana Yang Berhormat Menteri suka mendapat perhatian ataupun perhatian daripada orang ramai sama ada melalui akhbar ataupun cendekiawan, suka saya hendak mendapat tahu apa pendapat Yang Berhormat Menteri tentang suatu kenyataan yang dibuat oleh Pro-Chancellor Tun Suffian semasa Konvokesyen Universiti Malaya baru-baru tentang universiti sekarang ini nampaknya pada pandangan beliau kalau tidak salah apa yang saya difahamkan seolah-olah perlu menerbitkan pelajar-pelajar yang bukan intelektual tetapi menerbitkan pelajar-pelajar robot. Adakah benar statement itu dan apa pendapat Yang Berhormat Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain.

Dato' Musa bin Hitam: Terima kasih, memang benar ini soalan lain.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kemajuan yang besar di negeri Britain terhadap universiti terbuka ini, adakah Kementerian telah berhubung dengan pihak Kerajaan di negeri Britain untuk mendapat sedikit sebanyak nasihat?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dan belum berhubung dengan pihak-pihak di Britain tetapi saya sendiri dapat mengetahuinya dan berdekatan dengan konsep ini semasa saya sendiri menjadi mahasiswa tahun 70an dahulu dan ada juga kenalan-kenalan saya dan saya mengikut konsep ini yang sedang dilaksanakan di Britain. Ini ialah satu daripada unsur yang akan saya ambil kira.

POLITEKNIK UNGKU OMAR— PELAJAR YANG DIBUANG

7. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan bantuan atau kemudahan yang Kementerian akan beri kepada pelajar-pelajar yang telah dibuang dari Sekolah Menengah Politeknik Ungku Omar itu demi kepentingan masa depan mereka.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini pada awalnya seramai 30 orang pelajar Politeknik Ungku Umar telah diputuskan oleh pihak-pihak berkuasa untuk dipecat tetapi dibenar membuat rayuan. Setelah masa cukup diberi untuk membuat rayuan dan dipertimbangkan dengan begitu teliti, seramai 11 orang pelajar telah dipecat dengan keputusan muktamad. 5 daripada mereka ini ialah terdiri daripada mereka yang tidak merayu setelah diberi notis pemecatan dan peluang merayu. 6 daripadanya ialah terdiri daripada mereka merayu, tetapi setelah dihalusi, pemecatannya diteruskan juga.

Sayugia diingat bahawa segala tindakan yang diambil yang melibatkan Politeknik Ungku Omar ini ialah merupakan tindakan yang diambil ke atas mereka yang melanggar aturan peraturan disiplin. Oleh itu, Kementerian saya tidak bercadang memberi apa-apa bantuan atau kemudahan berupa apa jua kepada mereka yang telah dipecat.

KILANG PENAPIS MINYAK DI SABAH

8. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementerian berkenaan bercadang untuk mengadakan kilang penapis minyak di Sabah.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi sebelum itu saya ingin membetulkan apa yang saya kata tadi: harga minyak OPEC satu tong ialah US\$32 tetapi harga US\$40 ialah harga minyak mentah kita, Miri Light sebab mutunya baik sedikit.

Pada masa ini Kerajaan belum ada rancangan untuk mengadakan kilang penapis minyak di Sabah.

PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

9. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Kementerian ini akan menimbangakan untuk mengadakan Penasihat Undang-undang yang berasingan bagi negeri Perlis memandangkan bertambahnya kerja-kerja pentadbiran dan pembangunan di Negeri Perlis.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, perlantikan Penasihat Undang-undang yang berasingan bagi negeri Perlis ialah satu perkara yang perlu diputuskan oleh Kerajaan Negeri Perlis. Setakat ini Kementerian Undang-undang tidak menerima secara rasmi apa-apa permohonan untuk mengemukakan nama seseorang pegawai undang-undang supaya beliau dapat dilantik sebagai Penasihat Undang-undang negeri Perlis. Sekiranya keadaan memerlukan dan permohonan sedemikian dibuat, Kementerian saya akan menimbangakan perkara itu dengan sewajarnya.

SOALAN DI TARIK BALIK

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10 saya tarik balik.

RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DI SEKOLAH RENDAH

11. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bercadang untuk memberi makanan tambahan kepada semua murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) memandangkan murid-murid ini terdiri dari golongan yang miskin.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 1980 Rancangan Makanan Tambahan meliputi semua sekolah-sekolah rendah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dengan kadar liputan murid-murid di antara 15% hingga 30%. Makanan Tambahan ini diberi kepada murid-murid miskin yang menghadapi masalah pemakanan dan kadar liputan murid-murid adalah berdasarkan pada kadar kematian kanak-kanak di kawasan atau daerah yang berkenaan. Kementerian saya tidak bercadang untuk memberi Makanan Tambahan kepada semua murid-murid sekolah rendah.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Bagi murid-murid sekolah kebangsaan luar bandar yang jauh terpencil, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi bantuan makanan juga?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya telah jawab mengata-kan ukuran dan liputan murid-murid.

RELA—BILANGAN UNIT

12. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan unit-unit RELA yang telah ditubuhkan dalam tiap-tiap negeri dan kejayaan yang dicapai oleh RELA setakat ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, bilangan unit-unit RELA yang telah ditubuhkan di seluruh negara ialah sebanyak 29,678 unit dan pecahannya bagi negeri-negeri adalah seperti berikut:

	<i>Unit</i>
Perlis	825
Kedah	2,909
Pulau Pinang	892
Perak	3,492
Selangor	2,437
Wilayah Persekutuan	582
Negeri Sembilan	1,505
Melaka	1,420
Johor	3,375
Pahang	3,854
Trengganu	1,060
Kelantan	2,250
Sabah	3,009
Sarawak	1,728
JUMLAH ...	29,338

Anggotanya ialah seramai 296,280 orang seluruh negara ini.

Bagi menjawab soalan yang berikutnya RELA telah mencapai kejayaan bagi memberi kesedaran kepada seluruh rakyat khususnya di kampung-kampung dan di luar bandar dari bahaya ancaman komunis, anasir-anasir sub-versif dan juga anti-nasional. Daripada itu bahaya penyalahgunaan dadah dan jenayah perlu juga diawasi dan dijaga setiap masa.

Dalam perkara-perkara tersebut maka anggota-anggota RELA sentiasalah menjalankan tindakan untuk melaporkan kepada pihak-pihak keselamatan yang berkenaan jika terdapat perkara-perkara tersebut di kawasan masing-masing dan jika perlu mengambil berat sebagai warganegara yang bertanggungjawab kerana perkara-perkara ini adalah akan mengancam kedaulatan dan keutuhan negara bagi anggota-anggota RELA untuk menjalankan.

Pasukan RELA juga telah dapat mewujudkan semangat persefahaman, gotong-royong dan hubungan erat di antara rakyat berbilang kaum di negara ini serta menimbulkan semangat muafakat dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi di kawasan masing-masing.

Sebagai satu pasukan yang berkhidmat sebagai mata dan telinga Kerajaan dalam membantu pasukan keselamatan dalam membenteraskan ancaman-ancaman tadi, pasukan RELA juga telah berjaya menjalankan aktiviti-aktiviti mengawal seperti mana mengawal kampung, mengawal kawasan-kawasan sempadan, mengawal tempat-tempat keselamatan khas seperti mana kem-kem pendatang haram serta gudang-gudang dan lain-lain dan juga tempat-tempat yang khas untuk RELA menjalankan kawalan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah perbezaan antara Pasukan RELA dan Rukuntetangga.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah terangkan tadi RELA adalah ditubuh khususnya di kawasan-kawasan kampung dan luar bandar dan menjalankan tugas sukarela, sementara itu Rukuntetangga adalah bergerak di dalam bandar-bandar di bawah satu undang-undang yang diwujudkan oleh Kerajaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah dasar Kementerian ini akan membekalkan semua pasukan RELA kita dengan senjata api yakni senapang patah dan senjata ini dibekalkan atas daya usaha apa, atas keistimewaan apa di kawasan itu?

Kedua, apa dia latihan asas yang pada masa ini sedang diberi kepada Pasukan RELA kita ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, dasar pemberian senapang dan senjata kepada anggota-anggota RELA ini adalah dari segi memeralatkan mereka itu menjaga kawasan-kawasan dan menjalankan kawalan-kawalan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan senapang ini akan dibekalkan kepada anggota-anggota RELA setakat mana yang perlu yakni sebagaimana yang diketahui senapang-senapang yang ada untuk kegunaan RELA ini tidaklah mencukupi jika dibanding dengan anggota RELA sebanyak 300,000 anggota lebih kurang, yang mana senapang hanya dibekalkan dalam anggaran 20,000 pucuk sahaja. Maka dengan itu pembekalan senapang ini ialah juga untuk memberi latihan-latihan kepada masyarakat kampung atau ahli-ahli sukarela yang menjaga keselamatan kampung di atas cara-cara menggunakan senjata-senjata api.

Latihan asas yang diberi kepada anggota-anggota RELA ialah berbagai-bagai aspek iaitu selain daripada latihan persenjataan dan juga ketenteraan maka latihan-latihan dari segi mengetahui peraturan-peraturan, undang-undang dan juga latihan civik diberi kepada anggota RELA ini. Dalam latihan ini termasuk kursus-kursus diberi dari masa ke semasa semoga melengkapkan anggota-anggota RELA ini dengan berbagai-bagai pengetahuan termasuklah pengetahuan dari segi meninggikan taraf ekonomi mereka itu sendiri yakni RELA dikehendaki menjalankan kegiatan ekonomi, gotong-royong di antara sesama sendiri. Jadi latihan-latihan itulah yang telah diberi kepada anggota RELA keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi soalan tambahan sahaja dibenarkan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Yaakub: Soalan tambahan. Setelah kita dapat jawapan mengatakan bahawa begitu banyak unit RELA ditubuhkan di seluruh negara sekarang ini suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah unit-unit ini juga ditugaskan untuk meronda di kawasan perairan, di persisiran pantai untuk mengawasi lanun-lanun atau mencegah kemasukan pendatang haram atau pendaratan mereka, adakah juga termasuk dalam tugas meronda di persisiran pantai kita, di perairan membantu marin polis?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, tugas yang ditetapkan kepada anggota RELA ini adalah sukarela yakni bukanlah diberi satu tugas yang khas kepada mereka-mereka itu. Jika sekiranya berbangkit keadaan yang dikehendaki perkhidmatan sukarela daripada anggota-anggota RELA maka RELA akan menjalankan tugas seperti mengawal sempadan atau pantai sebagaimana yang telah berlaku semasa kemuncak kemasukan pendatang haram dari Vietnam dalam tahun-tahun yang telah lalu yang mana RELA di Pantai Timur telahpun menjalankan kawalan-kawalan sepanjang pantai di sebelah Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor.

RUMAH KOS RENDAH

13. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) jumlah rumah kos rendah (melainkan rumah pangsa) yang dicadang dibina pada tahun 1980 dan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat di Wilayah Persekutuan;
- (b) Cadangan-cadangan Kementerian untuk membina rumah kos rendah untuk memenuhi keperluan sebahagian besar orang-orang yang hendak membeli rumah kos rendah; dan
- (c) sama ada Kementerian bercadang membeli tanah di Negeri Selangor di sekitar luar kawasan sempadan Wilayah Persekutuan untuk dimajukan sebagai kawasan perumahan bagi penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat ini.

- (a) Bilangan rumah kos rendah yang tidak termasuk rumah pangsa yang dicadang dibina di Kuala Lumpur pada tahun 1980 ini berjumlah 2,534 unit. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat pula Kerajaan bercadang untuk membina 30,000 unit rumah kos rendah berbagai jenis (rumah pangsa, rumah berkelompok, rumah panjang, rumah berderet dan lain-lain) di Wilayah Persekutuan. Bilangan tiap-tiap jenis itu tidak dapat ditentukan lagi oleh kerana projek-projek ini masih di dalam peringkat perancangan.

(b) Seperti yang telah diterangkan Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina 30,000 unit rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Peruntukan sebanyak \$200 juta telahpun diluluskan oleh Kerajaan untuk melaksanakan perumahan kos rendah ini. Rumah-rumah kos rendah seperti rumah berderet akan dijual kepada orang ramai tetapi rumah pangsa akan terus disewakan. Pada masa sekarang Dewan Bandaraya juga ada mensyaratkan pemaju-pemaju swasta membina sekurang-kurangnya 30% rumah kos rendah dalam sekim-sekim perumahan mereka. Langkah ini bertujuan untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

(c) Buat masa ini Kementerian Wilayah Persekutuan belum lagi bercadang untuk membeli tanah di Negeri Selangor sebagai kawasan perumahan untuk penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan memandangkan masih ada lagi tanah-tanah di Wilayah Persekutuan, khususnya tanah-tanah Kerajaan yang boleh dimajukan untuk perumahan. Tambahan pula bagi Dewan Bandaraya sebagai sebuah penguasa tempatan yang hanya mentadbirkan Wilayah Persekutuan, cadangan seumpama itu perlu dikaji dengan teliti kerana ianya mempunyai implikasi perundangan dan kewangan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Soalan tambahan. Saya suka hendak bertanya iaitu soalan 13 (c) itu tadi ada dijawab oleh Yang Berhormat Menteri mengatakan tanah masih cukup lagi. Tetapi yang kita nampak ialah tanah-tanah bekas lombong, itu pun sudah berkolam-kolam dan tidak sesuai untuk tujuan ini. Oleh kerana bandaraya Kuala Lumpur ini makin lama makin bertambah ramai orang yang datang macam bandar-bandar yang lain seperti Jakarta dan Singapura; adakah Kerajaan sedia mengumpul tanah-tanah ini yang akan menjadi emas, harganya akan melambung tinggi. Tidakkah ada Kerajaan memandang jauh membeli tanah-tanah yang dipunyai oleh swasta hari ini. Macam mana swasta-swasta yang lain boleh membeli, tetapi apa sebabnya Kerajaan tidak boleh membeli kemudian direservkan tanah itu untuk tujuan perumahan pada hari yang akan datang. Boleh-

kah atau tidak dibuat begitu dengan seberapa segera yang boleh iaitu siapkan payung sebelum hujan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran

Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi masih banyak tanah Kerajaan yang boleh digunakan. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu boleh kita kaji.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri sedar bahawa bilangan orang-orang luar negeri bertambah membeli rumah-rumah di Wilayah Persekutuan ini. Jika Menteri sedar, apakah cara atau usaha Kementerian ini untuk menyekat, menahan atau mengurangkan bilangan mereka itu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran

Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas. Saya minta diulang lagi.

Puan Rahmah binti Othman: Adakah Menteri sedar bahawa bilangan orang-orang luar (foreigners) bertambah banyak membeli rumah-rumah yang ada di Wilayah Persekutuan ini. Jika sedar, apakah cara ataupun usaha Kementerian ini untuk menahan ataupun mengurangkan supaya orang-orang ini tidak lagi membeli rumah.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran

Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sedar.

**UNIVERSITI TEMPATAN—
PERMOHONAN**

14. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan permohonan untuk memasuki 5 buah universiti di negara kita di dalam akademik 1980/81 pada tahun ini yang berjaya dan yang ditolak dengan memberi pecahan-pecahan angka menurut kaum bagi setiap universiti.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan yang diterima untuk masuk ke kursus-kursus ijazah di lima buah universiti-universiti tempatan bagi sesi 1980/81 ialah 12,735 iaitu terdiri daripada 7,588 Bumiputra, 4,129 China, 773 India dan 245 lain-lain. Jumlah calon yang berjaya dan ditolak mengikut pecahan kaum masih belum diketahui disebabkan pendaftaran pelajar-pelajar di kelima-lima Universiti belum selesai lagi. Angka ini akan hanya diketahui pada awal bulan Julai akan datang.

COLEK BAYI—JUMLAH KES

15. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah kes bayi yang dicolek yang telah berlaku dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut negeri dan jumlah yang diselamatkan dan nyatakan juga hukuman yang seberat-beratnya boleh dijatuhkan di atas kesalahan mencolek bayi terhadap orang yang melakukannya.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, semenjak awal tahun ini sebanyak 11 kes colek dan cuba mencolek bayi dan kanak-kanak telah pun dilaporkan dan angka-angka ini adalah seperti berikut:

	Colek	Cuba mencolek
Pulau Pinang	1	6
Perak	2	1
Melaka	1	—

Bagaimanapun daripada jumlah tersebut hanya satu kes lagi yang melibatkan seorang bayi di Taiping yang masih belum dapat diselamatkan lagi.

Berkenaan dengan hukum yang seberat-beratnya yang boleh dijatuhkan satu atau kekeluasan mencolek bayi ini, ini adalah bergantung kepada tujuan pencolekan dan hukuman-hukuman adalah terkandung di dalam Rang Undang-undang yang tertentu, umpamanya Akta Colek 1961, Kanun Keseksaan, Ordinan Kanak-kanak dan Orang Muda 33/47 dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Saya percaya Ahli Yang Berhormat mungkin dapat merujuk kepada undang-undang tersebut untuk mengetahui hukuman.

T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Apakah sebabnya colek dan cuba colek ini telah dilakukan oleh orang-orang yang melakukan kesalahan ini. Apakah keputusan dalam siasatan polis. Memang ada hukuman berat yang dikenakan pada masa sekarang, tetapi apakah sebab-sebabnya yang tertentu mereka colek dan cuba colek kanak-kanak.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, daripada siasatan polis dalam perkara pencolekan ini telah mendedahkan bahawa pencolekan itu

adalah disebabkan ada golongan orang-orang yang berkehendak atau mahu mendapat wang dengan cara yang senang dan ada orang-orang yang mahu anak untuk dijadikan anak angkat. Itulah yang kita ketahui dapat bukti daripada siasatan yang telah dijalankan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan motif colek; colek dan culik—2 perkataan berbeza. Culik itu lain, colek lain. (*Ketawa*) Jadi yang saya hendak tanya undang-undang colek ini dengan sebab kejadian ini berleluasa dan dijadikan satu usaha pemerasan, adakah Kerajaan bercadang satu ketika kelak akan membawa Rang Undang-undang ini supaya dipinda dan ditambahkan kesalahannya itu lebih berat daripada yang ada sekarang.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah ahli bahasa untuk mengetahui perbezaan di antara culik dengan colek. Saya faham, colek itu coleklah. (*Ketawa*)

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi sukalah saya menyatakan bahawa memang ada cadangan kepada pindaan undang-undang dan hukuman ke atas perkara mencolek bayi yang mana sedang lagi dalam kajian oleh pihak Kerajaan. Undang-undang tersebut ialah dengan tujuan iaitu umpamanya undang-undang Seksyen 26 Ordinan Kanak-kanak dan Orang Muda 33/47 ini iaitu bagi kesalahan kes colek bayi dinaikkan dendanya daripada 2 tahun ke 5 tahun penjara. Ini menaikkan denda, dan ini pindaan kepada undang-undang tersebut. Dan juga menjadikan kesalahan memiliki kanak-kanak tanpa membuktikan kanak-kanak di bawah jagaannya mendapat kebenaran ibubapa kanak-kanak itu.

Yang ketiga, hukuman di bawah Ordinan Beranak dan Mati perlu juga dinaikkan hukuman itu daripada dendanya yang ada sekarang sebanyak \$2,000 atau satu tahun penjara kepada denda sebanyak \$10,000 ataupun dua tahun penjara sekiranya tidak dilaporkan kepada pihak polis. Selain daripada itu pindaan di atas cara membuat pendaftaran beranak akan diperkemaskan agar kanak-kanak yang didaftarkan itu sah ibubapanya.

PEGAWAI RIMV MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG

16. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar aduan-aduan operator-operator pengangkutan berhubung dengan pegawai-pegawai RIMV yang mengatakan bahawa mereka menguatkuasakan undang-undang dengan sewenang-wenangnya atas sebab-sebab yang kecil; jika benar apakah tindakan-tindakan yang beliau telah dan akan ambil supaya memberhentikan perkara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, tidak benar, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai keterangan-keterangan yang khusus mengenai pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan menguatkuasakan Undang-undang dengan sewenang-wenangnya atas sebab-sebab yang kecil, perkara tersebut bolehlah dikemukakan kepada saya sendiri atau Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan untuk siasatan dan tindakan sewajarnya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Jabatan Pengangkutan Jalan hanya menjalankan tugas untuk memastikan bahawa semua penguasa-penguasa pengangkutan menjalankan kenderaan-kenderaan mereka mengikut syarat-syarat kaum yang membenarkan kegunaan kenderaan-kenderaan tersebut dan juga peruntukan-peruntukan yang telah dibuat di bawah Undang-undang Lalulintas 49/58. Selain daripada itu, adalah tugas Jabatan Pengangkutan Jalan untuk memastikan bahawa kenderaan-kenderaan yang digunakan di atas jalanraya adalah sentiasa di dalam keadaan memuaskan dan selamat.

BANGUNAN/MURID-MURID SEKOLAH- RENDAH CINA

17. Tuan Alexander Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi bangunan-bangunan dan pembangunan Sekolah Rendah Cina pada 1979 dan berapakah jumlah pengambilan murid-murid ke Sekolah Rendah pada 1980 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan di Sekolah Cina.

Dato Musa bin Hitam:

(a) Jumlah perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan di sekolah-sekolah aliran

Cina di Semenanjung pada tahun 1979 ialah seperti berikut—

(i) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Bantuan Modal	\$1,492,228
(ii) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Bantuan Penuh Kerajaan	\$5,375,128
JUMLAH ...	\$6,867,356

(b) Pengambilan murid-murid ke Darjah Satu Sekolah Rendah pada Januari, 1980 adalah seperti berikut—

(i) Sekolah Kebangsaan	186,317 orang
(ii) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina)	84,221 ..
(iii) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)	12,142 ..
JUMLAH ...	282,680 orang

PENAGIH DADAH—BILANGAN

18. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan anak-anak muda kita yang terlibat dalam penagihan dadah dalam tahun-tahun 1979/1980 dengan memberi angka untuk Bumiputra, bukan Bumiputra serta umur mereka.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, bilangan anak-anak muda yang dikesan terlibat dalam penagihan dadah dalam tahun 1979/1980 adalah seperti berikut:

<i>Umur (Tahun)</i>	<i>1979 (Orang)</i>	<i>1980 (hingga April) (Orang)</i>
10 — 14 ...	12	4
15 — 19 ...	848	141
20 — 24 ...	2,645	510
25 — 29 ...	1,888	433
30 — 34 ...	720	197
35 — 39 ...	277	60
	6,390	1,315

Melayu	...	44.93%	41.29%
China	...	40.6%	44.72%
India	...	13.7%	12.47%
Lain-lain	...	1.27%	1.52%

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada benar kebanyakan anak-anak muda penagih dadah ialah terdiri daripada belia-belia dari bandar.

Yang kedua, jika benar adakah Kerajaan bercadang menggunakan pihak Rukun Tetangga untuk menolong pihak polis yang kekurangan kakitangan untuk mendapat dan menghantar belia-belia ini ke pusat rawatan Kerajaan.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, memang benar begitu bahawa kebanyakan penagih-penagih dadah yang terlibat ini ialah daripada kawasan-kawasan bandar dan sememangnya menjadi tujuan dan usaha pihak Kerajaan menggalakkan dan meminta Rukun Tetangga memberi segala kerjasama untuk mengaasi masalah-masalah yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masuk untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 44 adalah diberi di bawah ini)

INFLASI DISEBABKAN HARGA MINYAK

19. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perdagangan dan perindustrian menya akan sama ada beliau sedar bahawa selepas harga minyak dinaikkan baru-baru ini, kadar inflasi telah bertambah di Malaysia dengan harga berbagai-bagai barang-barang termasuk makanan telah melambung tinggi dan menimbulkan berbagai masalah kepada rakyat yang miskin; jika ya, nyatakan tindakan Kerajaan untuk meringankan kesusahan rakyat yang miskin.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Adalah tidak benar bahawa selepas harga minyak dinaikkan baru-baru ini kadar inflasi di Malaysia telah bertambah dengan harga berbagai-bagai barang termasuk barang makanan telah melambung tinggi dan menimbulkan berbagai

masalah kepada rakyat miskin. Memang kenaikan harga minyak baru-baru ini telah memberi kesan ke atas kadar inflasi, tetapi kesannya adalah kecil. Kadar inflasi di Malaysia unuk empat bulan pertama tahun ini, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Angkatunjuk Harga Pengguna ialah sebanyak 6.2%, manakala Angkatunjuk Harga Makanan pula ialah sebanyak 3.3%. Kalau kita mengkaji Angkatunjuk Harga pengguna bagi tahun-tahun yang lepas, kadar inflasi di Malaysia adalah di paras sederhana. Kadar inflasi di Malaysia pada tahun 1977 ialah 4.7% dan pada tahun 1978 sebanyak 4.9%. Pada tahun 1979, harga minyak telah dinaikkan sebanyak dua kali, iaitu pada 1hb Disember dan 30hb Ogos, tetapi kadar inflasi telah bertambah sebanyak 3.6% sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, barang-barang keperluan seperti gula, tepung gandum, roti dan susu adalah barang-barang kawalan. Bagi barang-barang tersebut dan lain-lain barang kawalan Kerajaan telah mengadakan peraturan di mana harganya tidak boleh dinaikkan tanpa kebenaran Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terlebih dahulu. Kebenaran untuk menaikkan harga barang ini adalah berdasarkan meritnya, di mana pertimbangan adalah berdasarkan kos bahan mentah dan jumlah kos pengeluaran. Sejak kenaikan harga minyak yang berkuatkuasa mulai 25hb April, 1980, tidak satu pun daripada keperluan di atas telah dinaikkan harganya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian juga telah mempertimbangkan kesan kenaikan harga minyak ke atas harga barang-barang lain semasa mengkaji permohonan kenaikan harga minyak baru-baru ini. Secara umumnya, kenaikan harga minyak mungkin memberi kesan ke atas harga sesuatu barang, tetapi kesannya adalah berbeza mengikut kos minyak kepada jumlah kos pengeluaran. Oleh kerana itu Kerajaan telah berusaha untuk mengurangkan kesan kenaikan tersebut dengan cara meluluskan kenaikan harga yang paling minima dan memberi subsidi dan pampasan ke atas barang-barang petroleum dengan tujuan mengelakkan harganya meningkat dengan lebih tinggi. Langkah-langkah ini diambil dengan harapan kenaikan harga barang-barang lain dapat dikawal pada peringkat yang paling rendah dan tidak membebankan rakyat miskin. Jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam bentuk subsidi dan pampasan akan berjumlah \$638 juta setahun.

NEGARA MEMETERI TRITI EKSTRADISI DENGAN MALAYSIA

20. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Undang-undang menyatakan negara-negara yang telah memeteri perjanjian hak "extradition" dengan Malaysia.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Negara-negara yang telah memeteri triti ekstradisi dengan Malaysia ialah India, Indonesia dan Thailand. Dengan negara Singapura, kita ada perkiraan saling berbalas untuk mengekstradisikan penjenayah-penjenayah fugitif di bawah Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967.

PENDAPATAN PENEROKA FELDA

21. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan pendapatan purata seorang peneroka Felde di Negeri Pahang dan Johor, dan sama ada beliau berpuashati dengan pendapatan purata ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Pendapatan bersih purata peneroka untuk rancangan-rancangan sawit dan getah di Negeri Pahang dan Johor bagi 5 tahun yang lepas adalah seperti berikut:

	NEGERI PAHANG		NEGERI JOHOR	
	Sawit	Getah	Sawit	Getah
Tahun	\$	\$	\$	\$
1975 ...	353	92	473	315
1976 ...	509	242	517	438
1977 ...	581	320	563	437
1978 ...	831	382	742	467
1979 ...	897	438	848	562

Pada amnya, nilai pendapatan seseorang peneroka Felde bergantung kepada pengeluaran hasil dari tanamannya dan harga pasaran untuk hasil tersebut. Oleh kerana kadar pengeluaran dan harga pasaran yang berlainan, maka ternyatalah pendapatan peneroka di rancangan-rancangan yang berlainan jenis tanaman adalah berbeza-beza. Dengan harga pasaran yang dialami bagi tahun 1975 hingga 1979, pendapatan peneroka di rancangan sawit bagi tempoh yang sama adalah lebih baik daripada pendapatan peneroka di rancangan getah. Harga yang diterima

oleh peneroka adalah bergantung kepada harga pasaran untuk bahan-bahan pengeluaran hasil pertanian peneroka yang telah diproses di kilang. Harga-harga ini bertukar ganti setiap hari mengikut keadaan pasaran dan dengan demikian, kestabilan pendapatan peneroka adalah bergantung kepada harga-harga pasaran yang berkenaan. Pengeluaran hasil bukan sahaja mengakibatkan perbezaan pendapatan di antara peneroka berlainan jenis tanaman tetapi juga di antara peneroka yang mempunyai jenis tanaman yang sama. Di antara perkara-perkara yang mengakibatkan pengeluaran hasil yang tidak serupa adalah termasuk umur tanaman, saiz lot ladang untuk seseorang peneroka, bilangan pokok di ladang, pengeluaran musim tahunan untuk sesuatu jenis tanaman, keadaan tanah dan rupa bentuk bumi kawasan, keadaan cuaca dan amalan-amalan ladang oleh peneroka sendiri.

Jadual di atas jelas menunjukkan pendapatan purata seseorang peneroka Felde di kedua-dua negeri itu telah bertambah dari setahun ke setahun dan ini menggambarkan kenikmatan yang telah diperolehi oleh peneroka berbanding dengan kehidupan mereka sebelum menyertai rancangan Felde.

PROJEK JALAN BY-PASS DI PORT DICKSON

22. Tuan Haji Abdul Samad bin Said minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menerangkan mengapa Projek Jalan By-Pass di Port Dickson masih tidak disiapkan lagi hingga hari ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Projek Jalan By-Pass di Port Dickson masih belum dapat disiapkan kerana terdapat beberapa masalah terutama dari segi Perancangan jalan tersebut di mana ia terpaksa melintasi jalan keretapi dan juga dua saluran paip minyak (yang selari dengan landasan keretapi) dari penapis Shell dan Esso yang melibatkan masalah teknikal dan Undang-undang. Keputusan telah dibuat bahawa jalan tersebut akan dibina melalui bawah tanah merintasi landasan keretapi dan saluran paip minyak dan ini melibatkan tiga buah jambatan. Adalah dijangka tawaran akan dipanggil pada tahun Ogos 1980 setelah semua dokumen siap dirumuskan.

AKTA KUALITI ALAM SEKITAR— PENGUATKUASAAN

23. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah kilang-kilang yang mencemar udara yang telah pindah dari kawasan Kuala Lumpur semenjak penguatkuasaan “Akta Kualiti Alam Sekitar 1973” dan sama ada beliau bersetuju bahawa pencemaran udara di Kuala Lumpur masih belum berkurangan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Untuk makluman Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook, semenjak penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, masih tidak ada kilang yang telah berpindah keluar daripada Kuala Lumpur.

Tujuan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, adalah untuk mengawal dan mencegah pencemaran. Malahan, bukanlah tujuan Akta tersebut untuk memindahkan kilang-kilang daripada premis yang telah sedia ada. Walau bagaimanapun, jika pencemaran kilang-kilang tidak boleh dikawal dengan perbelanjaan yang menasabah oleh kerana kedudukan mereka, kilang-kilang tersebut akan dinasihatkan supaya berpindah.

Pada masa sekarang, pencemaran udara dikawal oleh Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Kaedah-Kaedah Kereta Bermotor (Kawalan Asap dan Gas) 1977. Peraturan-Peraturan Udara Bersih dikuatkuasakan bermula daripada 1hb Oktober, 1978 dan Kaedah-Kaedah Kereta Bermotor pula berkuatkuasa mulai 15hb Mac, 1978.

Saya kurang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pencemaran udara di Kuala Lumpur masih belum berkurangan oleh sebab-sebab berikut:

- (i) Pelepasan pencemaran udara dari kilang-kilang yang baru dibina dapat dikawal semenjak 10hb Oktober, 1978 iaitu tarikh Peraturan-Peraturan Udara Bersih dikuatkuasakan;
- (ii) Kilang-kilang yang telah wujud sebelum itu telah diberi nasihat-nasihat dan amaran-amaran untuk memasang alat-alat mengurangkan pelepasan pencemaran yang mana kebanyakan dari kilang-kilang itu telahpun mengambil

tindakan untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh Kementerian saya walaupun mereka diberi tempoh sehingga 1hb Oktober, 1980 untuk mematuhi sepenuhnya;

- (iii) Pelepasan asap hitam dari kilang-kilang dan pembakaran terbuka bagi buangan perusahaan telah dikawal;
- (iv) Pelepasan asap hitam dari kereta-kereta bermotor telah dikawal di bawah Kaedah-Kaedah Kawalan Asap dan Gas;
- (v) Kenderaan sentiasa diperiksa walaupun bilangan kereta-kereta yang baru bertambah dan tindakan-tindakan yang ketat telah diambil terutamanya ke atas kenderaan yang dilesenkan untuk pengangkutan orang ramai serta pengangkutan lain-lain. Sekian, terima kasih.

PENGANGKUTAN DI JALANRAYA KUALA LUMPUR

24. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan langkah-langkah Kerajaan akan ambil untuk mengatasi masalah kesesakan di jalanraya terutama di jalan-jalan di Ibu Kota menjelang tahun 2000 nanti.

Tuan Clarence E. Mansul: Matlamat utama Kerajaan ialah untuk mengujudkan satu sistem pengangkutan yang memuaskan di Kuala Lumpur. Untuk mencapai tujuan ini Kementerian saya telah merumuskan beberapa strategi seperti berikut:

1. *Memperluaskan rangkaian sistem jalanraya*

Pada masa ini Jabatan Kerjaraya dan Dewan Bandaraya sedang mengendalikan pembaikan jalan yang sedia ada dan pembinaan jalan-jalan baru untuk memperluaskan rangkaian jalanraya yang sedia ada. Pembinaan sedang dikendalikan untuk menyempurnakan jalan-jalan pekeliling “Inner Ring Road” dan “Middle Ring Road”. Tujuan utama jalan-jalan pekeliling ialah untuk memberi kemudahan kepada lalulintas untuk mengelakkan daripada menempuh pusat bandar, dan dengan itu mengurangkan bilangan kenderaan yang melintas pusat bandarava. Selain daripada jalan-jalan pekeliling, skim penyuraian lalulintas juga sedang dilaksanakan.

2. *Meninggikan mutu penggunaan rangkaian jalanraya yang sedia ada, dengan skim "Area Traffic Control" dan lain-lain skim pengurusan traffic.*

Kebanyakan daripada kebuntuan dan kesesakan lalutintas berlaku di persimpangan-simpangan jalan utama yang pada masa ini dikawal oleh lampu isyarat. Sistem lampu isyarat yang sedia ada sekarang menggunakan kaedah tetap dan tidak sensitif dengan kadar laluan lalulintas. Dewan Bandaraya pada masa ini sedang mengendalikan skim "Area Traffic Control" yang menggunakan komputer. Sistem baru ini sensitif dengan kadar laluan lalulintas dan operasi lampu isyarat akan diubahsuaikan oleh komputer mengikut kadar laluan trafik dan dengan itu mengelakkan kebuntuan daripada berlaku di persimpangan jalan.

3. *Memperbaiki dan meluaskan sistem pengangkutan awam yang sedia ada.*

Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat dengan hal ehwal pengangkutan sedang merumuskan satu cadangan untuk menyelaras dan mengubahsuaikan laluan bas di Ibu Kota. Objektif utama penyelarasan laluan ini ialah untuk mengujudkan perkhidmatan bas yang masuk dan melintas pusat bandaraya, menggantikan perkhidmatan sekarang yang hanya berakhir di pinggir bandaraya. Cadangan ini yang dipanggil "Area Circulation Plan" yang akan membawa penumpang terus ke pusat bandaraya dan mengurangkan jarak perjalanan kaki dari perhentian bas ke tempat yang dituju. Serentak dengan skim ini, keutamaan penggunaan jalan-jalan yang tertentu akan diberi kepada kenderaan-kenderaan pengangkutan awam, dengan yang demikian kenderaan-kenderaan pengangkutan awam boleh bergerak tanpa gangguan kenderaan-kenderaan lain.

SUKAN DAN OLAHRAGAWAN

25. **Tuan Yap Peng** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau akan memberi banyak memberi lagi kemudahan dan keistimewaan kepada ahli-ahli sukan dan olahragawan negara supaya lebih ramai lagi muda mudi kita menceburkan diri dalam lapangan sukan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Ya. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan

terus mempertimbangkan untuk memberi banyak lagi kemudahan kepada ahli-ahli sukan dan Olahragawan negara kerana ini adalah satu daripada cara-cara memajukan sukan.

RUNDINGAN UDARA MALAYSIA-SINGAPURA

26. **Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam hal rundingan hak mendarat penerbangan di antara Malaysia dan Singapura, sebarang tolak ansur yang lebih lanjut akan merugikan pihak Malaysia.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Dalam apa-apa jua rundingan di antara pihak-pihak berkenaan, adalah penting sikap bertolak ansur wujud sekiranya pihak-pihak berkenaan ingin mencapai persetujuan atau penyelesaian. Oleh yang demikian, dalam hal rundingan udara di antara Malaysia dengan Singapura, Kerajaan sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur. Bagaimanapun dalam bertolak ansur itu Kerajaan juga mengambil perhatian berat agar kepentingan negara tidak pula diketepikan.

RANGKAIAN TV MALAYSIA

27. **Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menambahkan rangkaian-rangkaian Talivisyen Malaysia.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Kementerian saya tidak bercadang menambahkan rangkaian-rangkaian TV Malaysia. Walau bagaimanapun, Rangkaian Kedua bagi siaran TV di Sabah dan Sarawak sekarang ini sedang dirancang dalam rangka Rancangan Malaysia Keempat. Projek ini diberi keutamaan dari segi perkembangan siaran TV Malaysia kerana adalah mus'ahak diseragamkan siaran TV di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak.

PENSYARAH UGAMA DI MAJLIS KERAMAIAN

28. **Datuk Syed Hassan Aidid** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pensyarah-pensyarah ugama di majlis-majlis sambutan perayaan ugama dan lain-lain majlis keramaian telah mengambil kesempatan untuk mengancam Kerajaan dan kalau sedar nyatakan tindakan yang akan diambil ke atas mereka itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan memang sedar adanya berlaku perkara seperti yang disebutkan itu. Walau bagaimanapun, setiap orang tidaklah dilarang memberikan pendapat-pendapat mereka. Tetapi sekiranya ucapan-ucapan mereka menimbulkan ancaman terhadap keselamatan dan ketenteraman awam, maka tindakan yang sewajarnya sudah pasti akan diambil terhadap mereka.

PROJEK GULA NEGERI SEMBILAN

29. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berhubung dengan kegagalan Projek Gula Negeri Sembilan, sejauh mana odit dijalankan terhadap projek tersebut hingga sekarang ini dan berapa jumlah kerugian yang sebenarnya yang telah didapati oleh pihak odit tersebut.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Odit terhadap projek Gula Negeri Sembilan telah dijalankan sehingga 31hb Mac, 1978. Jumlah kerugian yang didapati oleh pihak odit tersebut setakat 31hb Mac, 1978 ialah \$35,793,795.

LAMPU ISYARAT DI BULATAN DEWAN BAHASA

30. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan lampu isyarat di bulatan di hadapan Dewan Bahasa; jika ya bila.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Oon): Kerajaan sedar tentang kesesakan lalulintas yang berlaku di bulatan di hadapan Dewan Bahasa dan Pustaka. Di bawah skim pembaikan jalan di ibukota ini, adalah dicadangkan sistem "grade-separated interchange" dilaksanakan di bulatan Dewan Bahasa dan Pustaka ini iaitu skim yang akan mengandungi lampu-lampu isyarat dan juga jejambat (viaduct) bagi mengurangkan kesesakan lalulintas di bulatan Dewan Bahasa dan Pustaka. Peruntukan bagi kerja-kerja ini telahpun dipohon untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

WARTAWAN ASING MENIMBULKAN SOAL SENSITIF DALAM MAJALAH

31. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memandangkan beliau telah beberapa kali menyatakan bahawa wartawan-wartawan barat telah menimbulkan soal-soal sensitif dalam majalah-majalah mereka dan ini boleh memburuk serta menjejaskan nama baik negara kita untuk menyatakan langkah yang telah diambil terhadap wartawan-wartawan tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Wartawan-wartawan asing yang menimbulkan soal-soal yang sensitif atau tohmahan di dalam majalah-majalahnya di luar negeri adalah di luar kawalan kita. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan menggunakan kebijaksanaannya untuk mengambil langkah-langkah yang tertentu sekiranya ada majalah-majalah asing yang menyiarkan tulisan-tulisan seumpama itu. Tulisan-tulisan yang berkenaan dikaji oleh Kementerian saya dan langkah-langkah yang berikut boleh diambil:

- (a) Majalah yang berkenaan disekat kemasukannya ke negara ini sekiranya difikirkan pengedarannya boleh membawa akibat yang buruk.
- (b) Majalah yang berkenaan dibenarkan masuk, tetapi Kerajaan akan mengambil langkah memberi jawapan-jawapan sebagai menyangkal berita-berita atau tohmah-tohmah yang disiarkan itu. Dengan langkah ini Kerajaan memberi peluang khususnya kepada rakyat negara ini untuk membaca dan memberi penilaian masing-masing terhadap tohmah-tohmah itu.

PEKERJA KILANG—TINDAKAN MENGAWAL KESELAMATAN/KESIHATAN

32. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengawal keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja kilang di negara ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Saya ingin memberitahu Dewan bahawa tindakan telahpun diambil oleh Kementerian saya untuk memberi

perlindungan keselamatan dan kesihatan kepada pekerja-pekerja kilang di Malaysia. Kita mempunyai Akta Kilang dan Jentera 1967, dan peraturan berkaitan di bawahnya yang dikuatkuasakan lebih dari sepuluh tahun bertujuan untuk menjaga keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja-pekerja di kilang-kilang atau tempat-tempat kerja yang lain. Lain-lain peraturan dan aktiviti-aktiviti sedang dirancang untuk mencapai matlamat ini.

Keselamatan pekerja-pekerja tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan semata-mata kerana pelaksanaan dan penglibatan yang menyeluruh hendaklah datang dari Majikan dan pekerja itu sendiri. Keselamatan adalah tanggungjawab bersama di antara pihak pekerja, Majikan dan juga Kerajaan. Dalam usaha-usaha untuk mengadakan tempat-tempat kerja yang selamat dan sihat Kementerian saya telah membuat kerja-kerja galakan keselamatan dengan cara mengadakan syarahan-syarahan keselamatan, seminar-seminar keselamatan, dan juga mengadakan perpustakaan filem-filem keselamatan di mana filem-filem ini boleh dipinjam tanpa bayaran kepada sebarang organisasi untuk ditunjukkan kepada Pengurus-pengurus dan pekerja-pekerja.

Di samping itu pula pertubuhan sukarela keselamatan dipanggil "Persatuan Keselamatan Industri Malaysia" (Malaysian Society for Industrial Safety), telah juga mengadakan seminar keselamatan, memberi syarahan keselamatan kepada pekerja-pekerja kilang dan juga mengeluarkan bahan-bahan bacaan dan filem-filem tentang keselamatan kepada ahli-ahlinya sama ada perseorangan atau pun syarikat.

PETANI PENYEWA—KAWALAN SEWA

33. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat manakah Kerajaan telah laksanakan masalah kawalan cukai dan jaminan pemegang tanah berhubung dengan pembangunan pertanian demi untuk melindungi kepentingan petani-petani yang menyewa tanah.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tiada kawalan cukai dikenakan kepada petani-petani yang menyewa tanah. Bahagian Penguatkuasa (Akta Penanam Padi) 1967 di

bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal sistem dan kadar sewa serta memberi jaminan pemegangan kepada petani penyewa di kawasan-kawasan padi yang diwartakan di bawah Akta. Perjanjian sewa antara tuan tanah dan penyewa di kawasan yang diwartakan mesti didaftarkan di bawah Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967. Akta ini diwartakan di kawasan-kawasan padi utama iaitu Kedah, Kelantan, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Trengganu dan Selangor. Sehingga tahun 1979 yang lepas sebanyak 8,725 perjanjian sewa telah didaftarkan di negeri-negeri tersebut.

PENYELUDUPAN MINYAK PETROL

34. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa ada kemungkinan berlaku penyeludupan minyak petrol dari negara ini ke negara jiran, kerana harga minyak negara ini lebih rendah dari negara-negara jiran: jika sedar nyatakan tindakan bagi mengatasi kemungkinan ini.

Dato' Lew Sip Hon: Kerajaan memang menyedari kemungkinan berlakunya penyeludupan bukan sahaja minyak petrol bahkan bahan-bahan petrolium lain disebabkan oleh kerana harga bahan-bahan petrolium di negara ini adalah rendah jika dibandingkan dengan harga-harga bahan petrolium di negara-negara jiran.

Disebabkan oleh kesedaran Kerajaan mengenai kemungkinan berlakunya penyeludupan, beberapa langkah yang ketat dan peraturan-peraturan telah diadakan. Di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan ialah memperketatkan pemeriksaan-pemeriksaan di kawasan-kawasan sempadan melalui Unit Pencegah Penyeludupan untuk menentukan bahawa penyeludupan bahan-bahan petrolium dapat dicegah. Dari segi undang-undang pula Kerajaan telah mengeluarkan satu perintah larangan pengeksportan minyak diesel tanpa kebenaran-kebenaran yang sah. Dari segi pengawalan di dalam negeri pula, Kerajaan bukan sahaja mengambil tindakan mewartakan bahan-bahan petrolium seperti minyak petrol, minyak diesel, minyak bakar, minyak tanah dan gas pemasak sebagai barang kawalan, tetapi telah juga mengambil tindakan mengadakan

peraturan-peraturan tertentu yang diperbuat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, untuk mengadakan peraturan-peraturan yang mengawal lebih ketat kawalan bahan-bahan tersebut. Di antara kawalan-kawalan ketat yang dilakukan adalah seperti berikut:

- (a) melesenkan urusan minyak tanah, minyak petrol, minyak diesel dan gas memasak dengan memberikan penentuan kepada jumlah yang akan diperniagakan, tempat-tempat simpanan dan had simpanan pada suatu masa. Dengan adanya peraturan ini setiap bekalan yang diurusniagakan akan dapat diawasi dengan sepenuhnya.
- (b) mengkehendaki setiap pengeluar, pemborong dan pengedar-pengedar bahan-bahan petroliam yang disebutkan di atas mengemukakan ke Kementerian ini maklumat-maklumat mengenai pengeluaran, pengimpotan, pengedaran yang telah diperbuat pada tiap-tiap bulan. Ini membolehkan Kementerian saya membuat satu penentuan ke atas keperluan negara yang mana jika sekiranya pengedaran dari satu bulan ke satu bulan mencatatkan pertambahan yang tidak realistik maka tindakan-tindakan sewajarnya dilaksanakan.
- (c) mengkehendaki setiap pengeluar dan pengedar-pengedar bahan-bahan petroliam yang terdiri daripada minyak tanah dan minyak diesel mengemukakan maklumat-maklumat ke atas jumlah pengedaran yang akan diperbuat kepada Kementerian. Ini akan membolehkan pegawai-pegawai daripada Kementerian saya mengikuti dan meneliti setiap pembekalan yang diperbuat dengan berdasarkan maklumat-maklumat yang diberikan.
- (d) satu peraturan khas terhadap penjualan minyak diesel telah juga diperbuat di mana setiap penjualan disegenap peringkat diwajibkan mengeluarkan kenyataan penjualan dengan memberikan maklumat-maklumat mengenai jumlah pembelian, no. kad pengenalan dan harga belian.
- (e) menetapkan lagi pemeriksaan-pemeriksaan disegenap peringkat bagi menentukan tidak ada penyelewengan yang dilakukan. Di dalam konteks ini tenaga kerja sedang diperkuatkan dengan mengambil pegawai-pegawai baru.

ALAT GANTI KENDERAAN

35. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah syarikat tempatan dan luar negeri yang telah menawarkan diri untuk mendirikan kilang untuk mengeluarkan alat-alat ganti kenderaan dan kilang-kilang jentera berat dan nyatakan juga kemudahan istimewa yang boleh diberikan oleh Kerajaan.

Dato' Lew Sip Hon: Sehingga pada akhir 1979 syarikat-syarikat pengilangan mengeluarkan alat-alat ganti kenderaan dan kilang-kilang jentera berat (termasuk operasi 're-condition of heavy vehicle/machineries) yang telah dikeluarkan Lesen Pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 berjumlah 75 buah bagi membuat komponen-komponen kereta dan 25 buah untuk alat-alat jentera berat. Syarikat-syarikat ini kebanyakan merupakan syarikat usahasama di mana selalunya rakan asing memberikan pengetahuan teknik.

Syarikat-syarikat sedemikian, jika layak, diberi galakan seperti yang diperuntukan di dalam Akta Galakan Pelaburan, 1968 seperti Galakan Taraf Printis, Galakan Tempat Kedudukan, Galakan Kredit, Cukai Pelaburan dan sebagainya. Selain dari itu syarikat-syarikat ini juga diberi pengecualian cukai terhadap bahan mentah yang diimport dan juga jentera untuk kilang-kilang mereka.

KOC DAN GERABAK KERETAPI

36. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menambah lagi gerabak-gerabak keretapi secepat mungkin memandangkan kos pengangkutan keretapi masih murah di banding dengan kos pengangkutan lain.

Dato' Lee San Choon: Kerajaan telahpun memberi keputusan untuk menambahkan lagi bilangan koc-koc dan gerabak-gerabak keretapi bagi memenuhi bilangan trafik penumpang-penumpang serta barang-barang yang kian bertambah.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah membeli 14 buah koc-koc biasa. Koc-koc tersebut telah mula digunakan. Di samping itu

sebanyak 30 buah koc dibina di Bengkel Keretapi Sentul yang mana 23 buah telah pun siap dan 7 buah lagi dijangka disiapkan pada penghujung tahun ini.

Bagi gerabak keretapi, sebanyak 132 rangka bawah (underframe) telah dipesan. Dalam Rancangan Malaysia Keempat Pentadbiran Keretapi bercadang membeli 33 buah koc berhawa dingin dan di samping itu merancang untuk membina 50 koc biasa di Bengkel Keretapi Sentul. 500 buah rangka bawah dicadang dibeli membina gerabak-gerabak.

PENAHANAN PEGAWAI KEDUTAAN AMERIKA DI TEHRAN

37. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian dan sikap Kerajaan terhadap tindakan penahanan Pegawai-pegawai Kedutaan Amerika di Tehran.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddin Al-haj): Seperti yang saya telah sebutkan di beberapa ketika di Dewan ini, Malaysia menganggap masalah orang-orang tebusan Amerika Syarikat sebagai perkara dua hala antara Iran dan Amerika Syarikat dan oleh itu kita tidak bercadang menurut serta dalam penyelesaiannya. Walaupun demikian, Malaysia bersama-sama semua negara-negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam menggesa Iran dan Amerika Syarikat meneruskan usaha-usaha mereka mencapai penyelesaian terhadap masalah ini menerusi rundingan-rundingan secara damai, tanpa menggunakan langkah-langkah yang 'punitive' sama ada tindakan ketenteraan, ataupun mengenakan sekatan-sekatan ekonomi.

KAMPUCHEA—BANTUAN MAKANAN/PERUBATAN

38. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan Kampuchea yang disokong oleh Hanoi telah menolak usaha-usaha negara ASEAN yang beriiiran dengannya untuk mengadakan satu persidangan antarabangsa untuk membincangkan masalah bantuan makanan dan perubatan kepada orang-orang pelarian Kampuchea yang sedang menghadapi penyakit dan kebuluran.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddin Al-haj: Sukacitalah saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan kita dan mana-mana Kerajaan ASEAN yang lain tidak pernah mengiktiraf rejim Heng Samrin di Kampuchea kerana rejim ini boneka kepada kuasa asing yang memberikannya kuasa menerusi campurtangan tentera. Dengan hal yang demikian juga, ASEAN tidak pernah mengadakan apa-apa hubungan atau perbincangan dengan rejim tersebut, baik dalam usaha ASEAN mencari penyelesaian politik berkenaan konflik di Kampuchea ataupun mengenai bantuan perikemanusiaan kerana kebuluran di negara itu.

Apa yang sebenarnya berlaku ialah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB meminta Kerajaan Vietnam yang menyokong rejim ini supaya turut hadir di mesyuarat antarabangsa yang telah diputuskan oleh mesyuarat Majlis Ekonomi dan Sosial (ECOSOC) awal bulan Mei yang lalu.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin sedar, bahawa resolusi yang diterima di ECOSOC itu adalah suatu resolusi yang diusahakan oleh negara-negara ASEAN meminta Setiausaha Agong PBB mengadakan Mesyuarat Antarabangsa Peringkat Menteri Bagi Membincangkan Bantuan Perikemanusiaan dan Pemulihan Rakyat di Kampuchea. Yang Berhormat Menteri Luar Malaysia telah mengetuai perwakilan Malaysia ke Mesyuarat tersebut yang telah diadakan pada 26hb hingga 27hb Mei yang lalu di Geneva. Hasil mesyuarat ini adalah sangat menggalakkan. Perakuan dari negara-negara penderma berbentuk wang tunai dan barang-barang keperluan telah dapat dikumpul berjumlah US\$116.24 juta, berbanding dengan jumlah yang diperlukan sebanyak US\$180 juta. Kerajaan Malaysia telah turut menyumbangkan bantuan kewangan sebanyak US\$100,000. Ini ialah jumlah yang terbesar pernah dibuat oleh Kerajaan kita kepada tabung bantuan perikemanusiaan dan pemulihan rakyat Kampuchea. Sumbangan ini juga membayangkan semangat solidariti dan kerjasama negara kita terhadap bebanan dan masalah yang dihadapi oleh Thailand akibat penghijrahan rakyat Kampuchea ke negara itu.

DASAR EKONOMI BARU— PERLAKSANAAN

39. Tuan V. V. Aboo minta Perdana Menteri menyatakan apakah cara dan tindakan yang akan diambil di dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk mengatasi masalah penyelewengan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai perpaduan negara.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu tentu maklum, Dasar Ekonomi Baru dicipta untuk mencapai perpaduan negara, melalui pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan termasuklah Rancangan Malaysia Keempat. Kerajaan sedar bahawa untuk menentukan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu perpaduan negara, langkah-langkah tertentu mestilah diambil seperti mewujudkan jentera pelaksanaan yang licin dan teratur dengan memperolehi pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlatih dan cekap serta bersemangat membina negara. Kerajaan juga sedar bahawa pentadbiran Kerajaan di semua peringkat khususnya di peringkat "akar umbi" iaitu di peringkat daerah mestilah diperkemas dan diperbaiki. Langkah-langkah untuk menentukan sentiasa wujudnya keadaan ini sedang dan akan terus dijalankan umpamanya melalui rancangan latihan dan kemajuan kerjaya. Di samping itu Kerajaan juga telah menubuhkan Biro Siasatan Negara untuk mengawasi sebarang penyelewengan yang berlaku dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan negara termasuklah Rancangan Malaysia Keempat.

ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN

40. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dari lawatan-lawatan rasmi yang beliau lakukan ke negara-negara asing sama ada negara-negara tersebut telah menunjukkan keyakinan atau kepercayaan terhadap pimpinan yang jujur dan cekap di negara kita dan nyatakan sumbangan-sumbangan yang telah diberi kepada rombongan beliau di tempat-tempat yang telah beliau lawati.

Dato' Lew Sip Hon: Saya menganggap bahawa Ahli Yang Berhormat merujuk kepada lawatan rasmi rombongan-rombongan galakan pelaburan yang telah saya ketuai semenjak tahun 1978.

Rombongan-rombongan ini pada asasnya adalah untuk mencapai, antara lainnya, tujuan-tujuan berikut:

- (i) Untuk menjelaskan kepada para pelabur asing mengenai peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia.
- (ii) Untuk memberitahu mereka akan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang wujud di Malaysia dan juga galakan-galakan fiskal yang ditawarkan untuk pelaburan.
- (iii) Untuk menghapuskan kebimbangan dan menjelaskan salah-anggapan para pelabur berhubung dengan dasar-dasar pelaburan asing di Malaysia.
- (iv) Dan yang lebih penting ialah untuk mengwujudkan kepercayaan dan keyakinan berhubung dengan iklim ekonomi dan politik di Malaysia supaya mereka dapat mempertimbangkan Malaysia sebagai tempat untuk melabur.

Rombongan-rombongan pelaburan ke beberapa negara pengeksport modal ini telah menghasilkan kejayaan-kejayaan yang memuaskan.

Sebagai hasil secara langsung daripada rombongan-rombongan pelaburan dalam tahun-tahun 1978 dan 1979, Kementerian saya telah meluluskan, setakat 1hb Januari, 1980 sejumlah 107 projek-projek perindustrian yang melibatkan pelaburan modal sebanyak \$624.4 juta. 'Commitment' oleh para pelabur ini jelas menunjukkan akan kepercayaan dan keyakinan para pelabur terhadap Kerajaan yang adil dan demokratik di Malaysia dan juga dasar-dasar ekonomi yang pragmatik yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

BIASISWA KEPADA PENUNTUT- PENUNTUT LUAR NEGERI

41. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menambahkan nilai biasiswa-biasiswa memandangkan yuran yang terlalu tinggi di Britain dan untuk menyatakan negara-negara lain di mana penuntut-penuntut kita boleh dihantar belajar.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tindakan yang positif untuk menambah nilai biasiswa bagi penuntut-penuntut di

bawah anjuran Kerajaan di United Kingdom telah diambil baru-baru ini. Tindakan seperti ini dilakukan dari masa kesemasa berdasarkan kenaikan kos sara hidup di luar negeri dengan berpandukan kepada kadar yang ditetapkan oleh British Council dan perakuan dari Jabatan Penuntut Malaysia di United Kingdom.

Kerajaan juga telah menambah peruntukan belanjawan agensi-agensi latihan yang berkenaan untuk menampung kenaikan yuran pengajian di United Kingdom. Oleh kerana yuran pengajian dibayar terus oleh Kerajaan Malaysia kepada institusi-institusi pengajian tinggi di United Kingdom, maka kenaikan yuran ini tidak membebankan pemegang-pemegang biasiswa Kerajaan secara langsung.

Kerajaan sentiasa menambah nilai biasiswa bagi penuntut-penuntut di bawah anjurannya di United Kingdom apabila sahaja kadar yuran dinaikkan oleh pihak yang berkuasa berkenaan. Dengan wujudnya dasar diskriminasi terhadap penuntut-penuntut asing, melalui kenaikan kadar yuran yang telah melambung tinggi dan tidak menasabah, pihak-pihak penganiur Kerajaan tidak lagi memilih United Kingdom sebagai pilihan utama dalam usaha mendapatkan tempat bagi penuntut-penuntut kita di luar negeri. Kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan bilangan penuntut-penuntut yang dihantar ke United Kingdom dari 50% dalam tahun 1979 menjadi 12% sahaja dalam tahun 1980 dari keseluruhan jumlah penuntut-penuntut yang dihantar keluar negeri. Selebihnya, iaitu 88% akan dihantar ke negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Canada, Perancis dan negara-negara Eropah Barat yang lain; Australia, New Zealand, Jepun dan Indonesia.

PULAU BATU PUTIH DALAM PETA BARU

42. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa memandangkan kedudukan Pulau Batu Putih telah dimasukkan ke dalam Zon Ekonomi Malaysia dan telah mendapat bantahan dari Kerajaan Singapura, sama ada dengan berbuat demikian kita akan mengancam persahabatan kita dengan Singapura.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Adalah benar bahawa Pulau Batu Putih terletak di dalam Zon Ekonomi Malaysia seperti diwartakan dalam Peta Baru negara kita baru-baru ini.

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Singapura pada 12hb-13hb Mei yang lalu, kedua-dua Perdana Menteri telah pun bersetuju supaya penuntutan Singapura ke atas Pulau Batu Putih ini diselesaikan secara damai menerusi rundingan di peringkat pegawai. Dengan adanya persetujuan dan persefahaman di antara kedua-dua pihak maka adalah tidak menasabah menduga bahawa tuntutan ini akan menjejaskan hubungan rapat negara kita dengan Singapura.

LAWATAN MENTERI LUAR VIETNAM KE MALAYSIA

43. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada lawatan Menteri Luar Vietnam ke Malaysia dan Thailand baru-baru ini adalah oleh kerana dasar negerinya terhadap ASEAN telah berubah.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Lawatan Encik Nguyen Co Thach, Menteri Luar Vietnam ke Malaysia pada 8-11 Mei, 1980 adalah sebagai membalas lawatan yang telah dibuat oleh Y.B.M Menteri Luar Malaysia ke Hanoi dalam bulan January 1980. Saya difahamkan bahawa lawatan Encik Co Thach ke Thailand adalah di atas jemputan Kerajaan Thailand.

Semasa lawatan Y.B.M. Menteri Luar Malaysia ke Hanoi itu, Vietnam telah mengubah sikapnya dengan menyatakan pada pertama kalinya kesanggupan untuk membincangkan soal keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara berasaskan kepada Deklarasi Kuala Lumpur 1971 berkenaan konsep ZOPFAN. Sokongan dan kesanggupan ini telah diulangi sekali lagi oleh Encik Co Thach dalam perbincangannya dengan Y.B.M. Menteri Luar Malaysia semasa lawatannya ke sini.

Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain telah mengalu-alukan sokongan dan kesanggupan Vietnam ini dan menganggapnya sebagai satu petanda baik memandangkan bahawa Vietnam pada mulanya telah

menentang keras Deklarasi Kuala Lumpur 1971 itu. Dengan ini nampaknya Vietnam mula mengubahkan pendiriannya berkenaan dengan konsep ZOPFAN ini. Malaysia dan negara ASEAN yang lain mengharapkan sokongan dan kesanggupan Vietnam ini tidaklah dimulutnya sahaja tapi akan dapat dikotakannya menjadi satu kenyataan, demi kepentingan keamanan dan kestabilan rantau ini. Kita masih mempunyai perbezaan pendapat dengan Vietnam, terutama dalam hal konflik di Kampuchea. Walau bagaimanapun, adalah hasrat Malaysia untuk terus mengadakan dialog dengan Vietnam supaya jurang perbezaan pendapat ini dapat lambat laun dihapuskan.

Kesanggupan Menteri Luar Vietnam untuk melawat negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia menggambarkan kesanggupan Vietnam berdialog dengan negara-negara ASEAN dan ini boleh dianggap sebagai satu titik pembaharuan dasar Vietnam terhadap negara-negara ASEAN.

BAYARAN PENCEN KEPADA PESARA

44. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar ramai kakitangan Jabatan Perubatan di Sabah telah pun bersara, tetapi belum lagi menerima persaraan bulanan mereka; jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk mencepatkan pembayaran persaraan mereka.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Saya sedar atas kelewatan di dalam pembayaran pencen bagi pesara-pesara di Jabatan Perkhidmatan Perubatan di Negeri Sabah. Tetapi kelewatan ini hanyalah melibatkan sebilangan kecil sahaja dari pesara-pesara di Jabatan itu yang tidak mempunyai rekod perkhidmatan yang lengkap iaitu mereka yang telah dilantik lebih dari 20 tahun yang lalu. Oleh yang demikian, kelewatan tersebut tidak dapat dielakkan oleh kerana pengawalan yang sesuai perlu diadakan untuk mengelakkan pembayaran yang tidak perlu dikenakan kepada wang negara. Walau bagaimanapun, bagi pesara-pesara yang mempunyai rekod perkhidmatan yang lengkap, kertas-kertas pencen mereka boleh disiapkan dengan cepat apabila tiba masanya kerana peraturan yang ada sekarang adalah didapati mencukupi untuk tujuan kelicinan pembayaran pencen kepada bekas kakitangan yang berkenaan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH RAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.38 ptg.

Timbalan Mentari Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950 dibaca pada kali yang kedua sekarang.

Mengikut peruntukan Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950 segala wang amanah dan pusaka yang dipegang oleh Pemegang Amanah Raya Malaysia dimasukkan ke dalam suatu Kumpulanwang iaitu Kumpulanwang Umum yang diwujudkan di bawah Ordinan tersebut. Wang yang dipegang di dalam Kumpulanwang Umum dibahagikan kepada dua kategori, pertama Wang Panggilan (Monies at call) iaitu segala wang termasuk wang modal yang dipegang dalam urusan biasa pentadbiran untuk pembahagian dan yang berada kurang daripada satu bulan di dalam Kumpulanwang Umum. Yang kedua Wang Bukan Panggilan (monies not at call) iaitu segala wang termasuk wang modal yang dipegang dalam urusan biasa pentadbiran untuk pembahagian dan yang berada lebih daripada satu bulan di dalam Kumpulanwang Umum.

Seksyen 12 Ordinan Pemegang Amanah Raya memperuntukkan dua kadar, faedah yang berlainan yang kena dibayar ke atas kedua kategori yang tersebut. Wang panggilan dan Wang Bukan Panggilan kadar-kadar faedah ini ditetapkan oleh Menteri Undang-undang atas cadangan Lembaga Pelaburan Pemegang Amanah Raya dan disiarkan dalam *Warta* pada bulan Disember tiap-tiap tahun.

Bagi tahun ini faedah yang kena dibayar ke atas wang panggilan ditetapkan sebanyak 3 $\frac{3}{4}$ % setahun dan faedah yang kena dibayar ke atas wang bukan panggilan sebanyak 6 $\frac{3}{4}$ % setahun.

Pada amalannya hampir semua wang yang dipegang di dalam Kumpulanwang Umum adalah wang bukan panggilan. Perbezaan di antara kedua-dua kadar faedah yang ditetapkan ini perlu dihapuskan dan hanya satu kadar faedah dikenakan ke atas wang bukan panggilan, iaitu wang yang dipegang dalam Kumpulanwang Umum bagi tempoh lebih daripada satu bulan. Ini adalah bersesuaian dengan amalan perdagangan di mana faedah akan hanya dibayar ke atas wang bukan panggilan.

Di bawah seksyen 22 Ordinan Pemegang Amanah Raya, seseorang pemegang amanah ataupun trustee atau beneficiary boleh membuat permohonan kepada Pemegang Amanah Raya supaya akaun sesuatu amanah diperiksa dan diudit oleh seorang peguam atau akauntan awam. Dalam pemeriksaan dan pengoditan akaun amanah tersebut mana-mana orang yang membuat apa-apa kenyataan palsu adalah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen-kecil (10), seksyen 22. Hukuman yang diperuntukkan di bawah seksyen-kecil (10) ialah denda atau penjara bagi tempoh tidak lebih daripada 2 tahun atau kedua-duanya. Pindaan kepada seksyen-kecil (10) bercadang untuk menetapkan \$2,000 sebagai amaun denda maksima yang boleh dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato Sulaiman Ninam Shah.

3.43 ptg.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja dalam pindaan Akta Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950.

Saya ini baru sahaja setahun menjadi Ahli Dewan Negara, kalau cara perjalanannya daripada dahulu begini saya terpaksa ikutlah tetapi kalau patut diperbaiki, patutlah diperbaiki. Saya dapat sekeping Bil ini iaitu dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "or rates" dalam seksyen-kecil (1) dan (2) dan sebagainya. Menteri yang berkenaan menerangkan pula mengikut di bawah seksyen 22, kemudian dihukum di bawah seksyen-kecil (10) dan sebagainya kalau boleh pada masa akan datang diberi Ahli Dewan Negara ini Akta Pemegang Amanah Raya yang asal, bukan ini sahaja, segala undang-undang yang hendak dibawa hendak dipinda dalam Dewan Negara ini. Kita ini bukan pakar undang-undang yang tidak payah menengok undang-undang asal sudah masuk dalam kepala kita, kemudian kita bahaskan di sini. Ini saya ingat tidak ada keadilan. Kalau hendak ada keadilan diberi kita undang-undang yang asal, ini yang hendak dipotong, ini yang dipinda, ini akan jadi begini, dapatlah saya ingat Ahli-ahli Dewan Negara ini mengambil bahasan yang sempurna. Kalau cara yang macam ini saya ingat kita memersetujui pindaan inipun tidak sempurna bagi kita, kita tidak tahu. Ini saya berharap dapat Menteri, bukan Menteri ini sahaja dalam perkara undang-undang ini, semua undang-undang pada masa yang akan datang kalau ada pindaan tolong beri kepada kita undang-undang asal, ini pindaan yang baru maka dapatlah Ahli-ahli Dewan Negara ini membahas dengan semasak-masaknya.

Ini sahaja yang saya kehendaki, kalau tidak ada, hujung kita tak tahu, pangkal pun tak tahu, dia potong tengah sedikit sahaja macam mana dia suruh kita boleh tahu dan memersetujukan dalam Dewan Negara, ini tak ada keadilan pada pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab perkara ini nanti.

3.46 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini, bukan sokongan kepada Yang Berhormat rakan sejawat saya tadi, sokongan Rang Undang-undang (Pindaan) yang ada di hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Pemegang Amanah Raya ini adalah satu Rang Undang-undang yang dipuji oleh rakyat kita melalui peruntukan Rang Undang-undang ini akan dapat mengawal harta pesaka yang diamanahkan kepada tabung ini. Dalam masalah ini saya gemar menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan walaupun dalam pindaan ini mengaikan Lembaga Pembayaran Amanah Raya ini akan mengadakan laporannya tiap-tiap tahun tetapi saya kurang faham adakah keseluruhan Pemegang Amanah Raya ini ada satu laporan yang telah diodit oleh Juru Odit Negara untuk disampaikan kepada Dewan ini dan kepada rakyat dari awal Lembaga Pemegang Amanah Raya ini diwujudkan. Dengan keadaan ini kalau belum dibuat lagi sayugialah difikir dan dikaji semula supaya sebuah laporan yang lengkap bagi Pemegang Amanah Raya ini dibuat.

Selain daripada itu menurut faham saya Pemegang Amanah Raya ini juga dipertanggungjawabkan harta-harta musuh di bawah jagaan Pemegang Amanah Raya ini tetapi menurut apa yang kita ketahui harta-harta musuh ini sedang dibekukan sahaja begitu, tidak dapat dibenarkan untuk dibuat pembangunan dan juga untuk dimajukan. Saya tidak faham berapa banyak tanah yang dikatakan tanah musuh yang dikawal/dipegang oleh Pemegang Amanah Raya ini yang sekarang masih beku, termasuk juga bangunan-bangunan. Ada kalanya bangunan-bangunan yang dikatakan bangunan harta musuh ini yang boleh digunakan oleh masyarakat bila dipohon kepada Pejabat-pejabat Daerah sukar hendak diluluskan. Keadaan ini kalau boleh difikirkan semula supaya dapat harta-harta yang dipegang oleh Pemegang Amanah Raya ini dapat dimajukan dan akan memberi faedah kepada tabung ini.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, satu sungutan yang didapati oleh mereka yang berhak mendapat pembayaran wang daripada Pemegang Amanah Raya ini daripada kanak-kanak yang belum cukup umurnya, wangnya disimpan oleh Pemegang Amanah Raya ini sukar mereka mendapat wang itu dengan seberapa cepat, kadang kala pihak yang berkenaan menghendaki sebab-sebab yang begitu

lanjut wal hal bagi pihak yang berkenaan itu menghendaki wang ini dikeluarkan dengan seberapa cepat. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan dapat menyemak dan mengkaji semula dalam masalah-masalah ini. Sekian, terima kasih.

3.50 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong pada pindaan Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950 dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri jikalau beliau boleh memberi beberapa keterangan lanjut berkenaan dengan perkara ini.

Saya percaya sehingga ini kumpulan wang yang ditadbirkan oleh Pemegang Amanah Raya mestilah satu angka yang besar. Saya tidak tahu berapa angkanya tetapi saya tidak hairan jikalau itu menjadi satu angka yang besar, kerana tugas-tugas yang telah diberikan kepada Pemegang Amanah Raya di bawah Public Trustee Ordinance, 1950 memanglah banyak.

Kalau umpamanya seseorang meninggal dan meninggalkan harta dan tidak melantik seorang Executor atau Pemegang Kuasa, maka kuasa-kuasa itu boleh diambilalih oleh Pemegang Amanah Raya. Jadi semenjak wujudnya jawatan Pemegang Amanah Raya ini, saya rasa sudah tentu memang banyak kutipan-kutipan kepada kumpulan wang ini. Jika begitu, saya jangkakan kumpulan harta ini tidak kurang daripada harta-harta yang dimiliki oleh bank-bank sendiri.

Di sini kita diminta untuk menghapuskan perbezaan dengan Wang Panggilan dan wang yang bukan ditafsirkan sebagai Wang Panggilan, hendak dihapuskan perbezaan ini. Undang-undang lama itu memang ditetapkan. Kalau Wang Panggilan interestnya sekian banyak, memanglah rendah, kerana wang itu kita tidak boleh gunakan untuk masa yang panjang tetapi kalau lebih daripada sebulan mengikut Ordinan kita ini, tidak ditafsirkan sebagai Wang Panggilan dan interest atau faedah-faedahnya memanglah lebih tinggi. Yang saya hairan mengapa langkah-langkah ini hendak dijalankan. Adakah ini bermakna yang Pemegang Amanah Raya tidak mempunyai kebolehan atau kemampuan untuk mentadbirkan wang yang sebesar begini ataupun apakah sebabnya.

Kita sedia maklum memang ada kemudahan di negara kita ini jikalau kita mempunyai wang agaknya \$1 juta tetapi kita tidak tahu hendak buat apa, sehari sahaja kita boleh dapat faedah daripada wang itu, kita boleh simpankan di insitusi-institusi kewangan yang tertentu yang boleh memberi faedah atas sehari sahaja. Jikalau 30 hari atau 29 hari, kalau wang itu bermilion-milion, berjuta-juta, sudah tentu faedahnya banyak juga. Jadi saya tahu apa rasionalnya yang Kerajaan hendak menghapuskan. Cuma di sini dalam Huraianya dan saya juga mendengar daripada ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hanya nampak perbezaan antara kadar-kadar faedah yang berlainan yang kena dibayar ke atas Wang Panggilan dan wang bukan panggilan adalah dihapuskan. Itu sahaja. Saya tidak tahu apa sebabnya, apa rasionalnya. Adakah ini bermakna yang Pemegang Amanah Raya tidak ada kemampuan hendak mentadbirkan atau kerana tidak hendak susah-susah. Apakah sebabnya? Saya berterima kasih jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi sebab-sebabnya.

Saya juga berharap bahawa wang yang hendak ditadbirkan di bawah Common Fund, di bawah seksyen 10 Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950 ada orang-orang yang patut membantu beliau untuk melaburkan wang ini dengan baiknya. Inilah yang saya hendak tahu. Adakah orang yang membantu beliau itu, membantu Pemegang Amanah Raya itu orang-orang yang memang sudah mahir atau yang mempunyai iktisad tertentu di dalam bidang pelaburan. Kalau tidak, rasa saya patut kita cari ikhtiar supaya Lembaga-Lembaga yang membantu Pemenang Amanah Raya di dalam melaburkan kutipan wang di bawah Common Fund, di bawah seksyen 10 tadi mestilah orang-orang yang mempunyai professionalism yang tertentu yang boleh menguntungkan Common Fund ini dan jikalau belum ada, saya sukalah mengesyorkan supaya diwujudkan.

Jikalau tidak salah saya di bawah Peraturan ada orang-orang yang dicadangkan supaya membantu, tetapi rasa saya tidak semestinya orang-orang ini datangnya daripada pihak Kerajaan sahaja, kalau ada orang daripada luar juga yang mahir dalam bidang ini, rasa saya boleh kita pindahkan Peraturan itu dan menjemput mereka, seperti juga kita melantik beberapa orang daripada swasta untuk membantu, umpamanya di dalam

Tabung Angkatan Tentera. Ini kalau hanya diambil daripada mereka di dalam Kerajaan sahaja, saya tidak mengatakan mereka itu tidak bijak tetapi mungkin ada orang yang lebih bijak, yang lebih mahir, yang lebih mengetahui dalam masalah ini dan boleh membantu Pemegang Amanah Raya supaya kumpulanwang ini lebih berkesan.

Saya sedar kebanyakan daripada pelaburan itu dibuat di dalam Government Securities dan syarikat-syarikat Kerajaan. Itu memanglah hendak membantu Kerajaan kita, itu saya tidaklah hendak menghalang kerana itu untuk kebaikan negara juga, tetapi rasa saya kalau wang-wang itu datang daripada orang ramai, khususnya daripada harta pesaka orang ramai yang ditadbirkan oleh Pemegang Amanah Raya, rasanya saya biarlah harta pusaka itu mendapat imbuhan ataupun layanan yang sebaik-baiknya, kerana kita tahu ramai orang-orang miskin, orang-orang yang mempunyai harta kecil yang jarang menggunakan peguam, jarang yang melantik Executor untuk mentadbirkan harta pesaka. Lainlah di negeri-negeri Barat yang mana sebelum mereka meninggal menyediakan wasiat dan melantikan Executor terlebih dahulu tetapi di negara kita ini itu agaknya luar biasa, jikalau seseorang itu membuat wasiat dan melantik Executor sebelum dia meninggal. Jadi kebiasaannya bila seseorang itu meninggal maka terpaksa dia mengambil surat kuasa, selalunya melantik administrator dan kadang-kadang kalau harta itu kecil, dibiarkan begitu sahaja. Di sinilah peranan penting yang patut dimainkan oleh Pemegang Amanah Raya.

Saya percaya kutipan wang ataupun yang di bawah naungan beliau memanglah pada satu masa akan menjadi besar dan sudah patutlah bahawa pentadbiran kepada kumpulanwang itu mestilah dengan lebih berkesan.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong.

4.00 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan undang-undang yang dibentangkan sekarang ini iaitu meminda Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950.

Saya dalam menyokong Rang Undang-undang ini menyokong juga pendapat yang

disuarakan oleh sahabat saya yang terdahulu iaitu Senator Dato Sulaiman Ninam Shah berkenaan dengan cara-cara mengemukakan undang-undang di dalam Dewan ini. Dahulu saya juga mengemukakan apa yang dikemukakan oleh beliau itu. Kepada ahli-ahli undang-undang seumpama Senator Kamarul Ariffin memang hafal dan mengetahui kandungan undang-undang ini. Jadi, kalau dikemukakan undang-undang seumpama ini beliau faham daripada A sampai Z, tetapi banyak orang termasuklah saya sendiri seorang daripadanya, orang yang tidak mengeri undang-undang, jadi, kalau dibawa cadangan seumpama ini hendak dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "or rates", tentu saya tak faham apakah sebenar maksudnya di dalam kandungan undang-undang itu. Sekurang-kurangnya kalau tidakpun diberi sebuah undang-undang asal, maka hendaklah disalinkan kesemua sekali seksyen asal itu begian-begian, kemudian seksyen yang hendak dipinda itu begian, begian barulah kita boleh mengikuti. Kalau dengan cara ini memang saya menyokong tetapi sebagaimana yang dikatakan oleh Senator Dato Sulaiman itu, kita menyokong tetapi menyokong tidak dengan ikhlas atau tidak dengan sepenuhnya, menyokong benda yang kita tidak faham. Kita berharap bahawa Ahli Dewan ini apakala menyokong sesuatu undang-undang itu memang menyokong dengan sebenarnya dengan ikhlas dan dengan mengerti apa yang disokong.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini ada menyebut Pemegang Amanah Raya, maka saya juga hendak bercakap sedikit berkenaan dengan masalah amanah raya ini, dengan adanya Pemegang Amanah Raya di dalam negeri-negeri yang dilantik oleh Kerajaan, memang tujuannya baik, iaitu memberi pertolongan, khasnya kepada waris-waris yang bertelingkah di dalam harta pesaka.

Kebanyakan sebagaimana yang kita tahu di dalam negara kita ini apakala seseorang itu mati meninggalkan banyak waris dan harta pesakanyapun banyak, maka selalu berlaku pertelingkahan, jarang yang ada muafakat di antara waris-warisnya. Waris-waris yang bersetuju tak ada bertelingkah hanyalah orang-orang miskin yang mati tak ada meninggalkan harta, anak-anaknya semua sekali muafakat, tak ada pertelingkahan, tetapi kalau sekiranya seorang itu mempunyai harta, lagi banyak hartanya, warisnya

banyak lagi banyak pertelingkahan. Dengan sebab itu kita tengok di kebanyakan negeri di Malaysia dan juga di seluruh dunia, apakala seorang kaya mau waris-warisnya banyak, lebih-lebih lagi kalau anak-anak itu daripada beberapa isterinya, bukan daripada seorang isteri, maka kita melihat setiap orang anak itu akan mengambil lawyer untuk mengendalikannya masalah mereka.

Perkara itu akan timbul dalam mahkamah dan akan membawa pertelingkahan itu berlanjutan di dalam mahkamah kerana hendak mengambil surat-surat kuasa sampai kepada pembahagian harta, kadang-kadang berlarutan dengan sebab terlampau banyak pertelingkahan dan perselisihan dan tak dapat persetujuan. Dengan kebijaksanaan lawyer kedua pihak, pada akhirnya surat kuasa itu tak diberikan kepada waris itu sendiri, tetapi diberi kepada Pemegang Amanah Raya yang mengendalikannya harta pesaka, kalau sekiranya surat-surat kuasa itu diberi kepada waris-waris berkenaan, maka waris-waris itu tertakluk kepada undang-undang kuasa untuk menjalankannya dengan adil dan dia mesti memberi penyata ataupun laporan tahunan. Tetapi kepada Pemegang Amanah Raya dia tidak berhajat begitu kerana dia seorang sahaja yang menjaga kuasa harta di seluruh negara, dia tidak terdaya hendak berbuat seumpama itu. Inilah yang timbul masalah apakala diserahkan perkara ini kepada Pemegang Amanah Raya, perkara ini bukan boleh menjadi lekas, saya nampak banyak yang berlanjutan lebih lama lagi dan harta itu tidak dapat dikawal lebih-lebih lagi pada orang-orang di luar bandar yang meninggalkan harta seumpama kebun getah. Sedangkan kebun getah itu pada masa hidup si mati itu dikawal betul-betul kerana getah itu tak boleh ditoreh dengan sesuka hati, kalau sekiranya terbabas torehan itu memakan isi, merosakkan kulit, merosakkan pokok getah itu. Tetapi apabila dipegang oleh Pemegang Amanah Raya, dikeluarkan tender, sebab siapa yang berkehendak diberi, siapa tender lebih diberi, dia akan dapat. Kemudian orang yang dapat tender itu oleh kerana dia kontrak getah itu dia tak peduli apapun tujuannya dia hendak getah banyak, timbul masalah macam semalam, dia akan toreh dua kali sehari, pagi dan malam. Inilah perkara yang akan timbul.

Jadi di dalam masalah harta yang diserahkan kepada Pemegang Amanah Raya itu ada baik dan ada buruknya. Dengan sebab itu,

saya fikir ada baiknya kalau sekiranya di dalam Undang-undang ini dihadkan Pemegang Amanah Raya tidak boleh memegang harta itu berlarutan, mesti dihadkan tempoh untuk dia menyelesaikan, dalam masa satu tahun atau selewat-lewatnya tiga tahun. Kalau sekiranya dia tidak dapat menyelesaikan dia mestilah serahkan semula kepada waris yang berkenaan ataupun bawa perkara itu semula di hadapan hakim bagaimana hendak menyelesaikannya. Kalau dibiarkan begitu saya bimbang nasi akan menjadi bubur. Saya tidak menuduh pemegang Amanah Raya, tetapi banyak harta pesaka yang sudah menjadi bubur dengan sebab pertelingkahan antara isteri tua dan isteri muda, antara anak-anak isteri tua dan isteri muda, dengan sebab kedua-duanya mengambil lawyer. Pada akhirnya mereka itu tak dapat menikmati hartanya dan mereka itu mendapat gusi dengan lidah sahaja. Dengan sebab itu, saya fikir dengan adanya undang-undang ini janganlah dipinda semata-mata untuk menentukan bagaimana duit itu hendak disimpan atau bagaimana hendak dapat faedah tetapi cara-cara menyelesaikan pembahagian harta itu juga patut difikir dan dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi saya tak dapat hendak membaca undang-undang asal ini kerana tidak dikemukakan di sini dan saya bukan seorang ahli undang-undang. Kalau saya hendak beli semua undang-undang ini sebagaimana yang saya dapat kenyataan daripada Menteri Undang-undang tadi, undang-undang dalam bahasa Inggeris itu 300 buah, tak mungkin saya mampu hendak membelinya dan upah menterjemahkan. Jadi, terpaksa saya mengiak sahaja apa yang ada di hadapan ini (*Ketawa*). Dengan sebab itu dalam saya menyokong Undang-undang ini, saya menyokong tidaklah dengan sepenuhnya, saya menyokong di dalam ragu-ragu. (*Ketawa*).

4.10 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka lah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan di atas Rang Undang-undang ini.

Untuk menjawab pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Sulaiman Ninam Shah dan juga Yang Ber-

hormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim, suka saya menyatakan di sini bahawa amalan biasa ialah pihak Kerajaan tidaklah memberi Undang-undang ibu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ini adalah disebabkan kadangkala Undang-undang ibu yang kita hendak pinda itu terlalu tebal sampai ratus muka tiap-tiap satu. Jadi kalau hendak dikelilingkan atau hendak dibahagi-bahagikan Undang-undang ibu tiap-tiap kali kita hendak pinda maka tentulah memakan masa yang banyak dan juga perbelanjaan yang banyak. Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menambah kepada Jemaah Menteri sekalipun sebelum daripada satu-satu Rang Undang-undang itu dikemukakan kepada kedua-dua Dewan ini kita tidak beri juga Undang-undang ibu.

Yang kedua, pandangan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad berkenaan dengan laporan dan audited account, ini ada disediakan dan diberi kepada Jabatan-jabatan. Mengenai dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu atas laporan ini diberi dengan secara lebih luas, itu akan diambil ingatan.

Atas harta-harta musuh untuk dimajukan, ini juga Tuan Yang di-Pertua, akan diambil ingatan oleh pihak Kementerian. Menyelesaikan perkara-perkara ataupun kes-kes harta pesaka (trust fund), mengenai dengan kanak-kanak yang belum cukup umur, pada masa sekarang ini suka saya menyatakan pihak Jabatan Pemegang Amanah Raya sentiasa berikhtiar untuk mempercepatkan penyelesaian kes-kes seumpama ini.

Mengenai dengan pandangan oleh Yang angka yang ada di dalam kumpulanwang sekarang ini ialah \$47 juta lebih kurang dan wang ini dilaburkan di tempat kumpulan iaitu :

- (i) Government Securities berjumlah 41%
- (ii) Shares 25%
- (iii) Fixed Deposits 32%; dan
- (iv) Cash yang ada 20%

Di atas pandangannya untuk diwujudkan satu badan bagi memberi pandangan ataupun nasihat di atas jenis pelaburan yang hendak diambil, ini diambil ingatan.

Pertanyaan hendak menghapuskan interest di atas kumpulanwang itu, suka lah saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, apa yang

kita hendak hapuskan sekarang ini ialah perbezaan interest, bukan menghapuskan kesemua interest, tetapi hendak menghapuskan perbezaan interest supaya interest hanya diberi kepada wang yang bukan dipanggil (monies not at call).

Berbalik saya kepada pandangan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim berkenaan dengan tender-tender ke atas harta-harta kepunyaan waris-waris seberapa yang boleh dan seberapa yang terdaya pegawai-pegawai Pemegang Amanah Raya memanglah diarahkan supaya menyelia supaya harta-harta si mati itu tidak dirosakkan terlalu banyak seperti contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi kadangkala harta-harta itu terlalu banyak dan bertaburan di tempat-tempat yang jauh-jauh ada masanya pihak pegawai Pemegang Amanah Raya tidak cukup masa untuk menyelia dengan sempurna harta-harta ataupun tender-tender sedemikian itu, bagaimana pun ingatan yang diberi itu akan diambil perhatian juga.

Untuk hendak memberikan had masa kerumitan yang tidak dapat diselesaikan adalah sukar oleh kerana, kita selalu berjumpa dengan masalah-masalah, kerumitan-bagi satu-satu harta pesaka diselesaikan dengan segera mengenai dengan harta pesaka yang ditadbirkan oleh Pemegang Amanah Raya ini. Umpamanya, ada kalanya selain daripada waris-waris tidak dapat memberi persetujuan sesama mereka, secara pembahagian ada waris-waris yang tidak dapat dijumpai dan juga ada kalanya harta-harta yang dilaporkan kepada Pemegang Amanah Raya tidak menghabisi dan yang lain-lainnya umpamanya hutang-hutang yang tidak dapat dibayar dan lain-lain kerumitan lagi. Bagaimana pun pihak Jabatan Pemegang Amanah Raya dari semasa ke semasa berikhtiar memramaikan lagi kakitangan di Jabatan itu supaya dapat menolong menyelesaikan dengan lebih cepat harta-harta pesaka ini.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak jawapan yang dapat saya beri dan lain-lain point yang tidak saya beri jawapan saya akan ambil ingatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG NOTARI AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.22 ptg.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan) 1980 dibacakan pada kali yang kedua sekarang.

Notari Awam ialah seorang yang dilantik oleh Peguam Negara dari kalangan Peguambela dan Peguamcara untuk memperakui dokumen-dokumen atau untuk mengesahkan perakuan dokumen-dokumen untuk digunakan di mahkamah luar negeri. Selain dari memperakui dokumen-dokumen tersebut dia mempunyai kuasa sama seperti Notari Awam di United Kingdom dan sebahagiannya dinyatakan di dalam Akta Notari Awam, 1959.

Menurut undang-undang yang ada sekarang Notari Awam itu dilantik seolah-olah untuk seumur hidup kerana perlantikannya tidak boleh ditarik balik melainkan atas dua sebab—

- (i) Nama beliau telah dipotong dari daftar nama-nama Peguambela dan Peguamcara;
- (ii) Ia mengamalkan tugas-tugas di luar kawasanya.

Adalah didapati keadaan begini tidak memuaskan kerana peguam yang dilantik sebagai Notari Awam itu mungkin telah bersara atau telah dianggap dirinya sebagai perunding (consultant) dan sekali sekala sahaja mengamalkan professionnya di pejabat atau ia telah balik negeri, atau atas sebab-sebab lain dia tidak lagi mengamalkan professionnya dan tidak dapat memberi khidmatnya kepada orang ramai.

Dalam hal yang demikian Peguam Negara tidak dapat berbuat apa-apa terhadap mereka malahan mereka tidak pula diperlukan memberitahu hal keadaan ini kepada Peguam Negara untuk mengemaskinikan rekodnya.

Pindaan ini bertujuan untuk memperbaiki keadaan ini dengan cara memberi kuasa kepada Peguam Negara supaya melantik Notari Awam itu selama tempoh setahun atau lebih, menurut budibicaranya dan sekiranya Notari Awam itu tidak dapat lagi memberi khidmatnya dengan mudah kepada orang ramai, perlantikannya tidak akan dibaharui. Adalah dihasratkan supaya hanya mereka yang dapat memberi khidmatnya kepada orang ramai akan dilantik menjadi Notari Awam.

Sekian, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Notari Awam, 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.27 ptg.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang tetapi saya bangun menyokong Rang Undang-undang Bil. 15 tahun 1980 iaitu Akta untuk meminda Akta Notari Awam, 1959.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa bilangan Notari Awam di negara kita ini adalah sangat kecil dan saya menggesa dan merayu agar Menteri yang berkenaan menambah jumlah bilangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan seseorang ahli daripada Majlis Peguam apabila ingin menjadi seorang Notari Awam ia dikehendaki menjalani beberapa perkara sebelum menjadi Notari Awam. Saya dengan sesungguhnya berharap semoga Menteri berkenaan dapat memberi jasa baik dan pertimbangan sewajarnya kepada pemohon-pemohon yang telah memenuhi kehendak-kehendak asasi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang tersebut.

4.29 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan hujah-hujah saya dalam perbincangan terhadap Rang Undang-undang ini, saya sukalah mengumumkan kepentingan diri saya kerana rasa saya, saya masih lagi menjadi salah seorang daripada Notari Awam; mungkin yang tunggal di dalam Dewan ini.

Jadi rasa saya bila Rang Undang-undang ini diluluskan nanti maka ada kemungkinan besar yang saya tidak lagi akan menjadi Notari Awam kerana mengikut kehendak pindaan-pindaan ini maka kuasa diberi kepada Yang Berhormat Peguam Negara untuk menentukan jangka waktu seseorang itu boleh menjadi Notari Awam.

Sebenarnya memanglah ini menjadi hasrat dan cita-cita seorang Peguam untuk bukan sahaja menjadi Peguambela dan Peguamcara tetapi juga jikalau beliau menjalankan amalan menjadi Pesuruhjaya Sumpah dan juga Notari Awam dan saya tidak hairanlah sahabat saya Yang Berhormat Tuan S.I. Rajah meminta supaya angka Notari Awam itu diperbanyakkan lagi kerana ini sudah menjadi hasrat sebagaimana yang saya katakan tadi peguam-peguam yang mengamalkan praktisnya. Bagi saya tidak apalah kalau hendak diluluskan undang-undang ini untuk kebaikan umum, saya tidak menjadi keberatan. Mungkin pada satu masa nanti bila saya tamat menjalankan service saya di dalam bank, mungkin saya balik mengamalkan profession undang-undang saya dan saya harap bila saya datang balik kepada Peguam Negara janganlah beliau keberatan untuk menerima saya semula untuk menjadi Notari Awam.

Saya suka menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada Seksyen 4 Akta Notari Awam, 1959 yang mana setakat ini kita berdasarkan amalan itu kepada praktis-praktis yang dilakukan di England. Izinkan saya membaca peruntukan Seksyen 4 ini Tuan Yang di-Pertua, yang berbunyi demikian:

“Every Notary Public shall have and may exercise within his place of practice all the powers and functions which are ordinarily exercised by Notaries Public in England provided”

Jadi mungkin pada satu masa itu tahun 1959 kita tidak mempunyai peraturan tertentu apakah tugas-tugas yang dijalankan oleh Notari Awam. Rasa saya sekarang ini kita sudah merdeka begitu lama dan patut kita mengetahui apakah tugas-tugas sebenarnya yang dijalankan oleh Notari Awam bukan sahaja di England tetapi juga di Amerika, di Indonesia, di Australia dan juga luar daripada negara-negara Commonwealth. Rasa saya patut sangat kita menentukan fungsi-fungsi kerana Notari Awam ini bukannya sahaja ada di negara Commonwealth tetapi juga di negara luar daripada Commonwealth. Kalau kita hendak memetrikkan, hendak memperakukan sesuatu dokumen katalah dari Indonesia ke sini yang berkaitan dengan perdagangan, biasanya melalui Notari Awam dan ini mengambil masa yang agak berbelit-belit, daripada Notari Awam terpaksa diakui Konsul kita kalau kita ada Konsul. Kalau tidak ada Konsul kita terpaksa melalui pula Notari Public di negeri itu dan dia pula melalui Kementerian Luar Negerinya, baru boleh dihantar kepada Kementerian Luar Negeri kita dan baru balik kepada dia. Itu sebenarnya menunjukkan betapa berbelitnya, betapa susahnyanya jikalau sesuatu dokumen yang agaknya senang hendak diperakui, hendak disahkan.

Rasa saya ada baiknya jikalau dapat saya mengesyorkan kepada pihak Peguam Negara untuk menimbang Seksyen 4 ini dan cari jalan untuk memperbaikinya lagi supaya Notaries Public atau Notari-notari Awam yang ada di negara kita ini boleh mengetahui dengan lebih jelas tugas-tugas dan fungsi-fungsi mereka. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong atas pindaan kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang menjawab.

4.32 petang.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai Rang Undang-undang ini. Di atas permintaan Yang Berhormat Senator S. I. Rajah tadi perkara ini akan diberi pertimbangan supaya diperbanyakkan lagi bilangan Notari-notari Awam di negara kita ini. Apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin mengenai dengan tugas-tugas Notari Awam dan juga untuk memperbaiki Seksyen 4, suka saya menyatakan iaitu kita akan mengambil perhatian mengenai dengan perkara-perkara itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**RANG UNDANG-UNDANG
MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG
(PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976" dibaca pada kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam bulan Mei, 1973 kedua-dua Dewan itu telah melantik satu Jawatankuasa Pilihan Bersama untuk mengkaji Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian). Setelah menjalankan kerja-kerjanya menemui orang ramai di beberapa bandar besar Jawatankuasa telah mengadakan mesyuaratnya yang terakhir pada 10 haribulan Jun 1974 untuk menimbang dan melulus laporannya. Perkara ini telah dibawa ke sidang Jumaah Menteri pada 2 haribulan Julai, 1974.

Oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan Rang Undang-undang tersebut tidak dapat dibentangkan di sidang Parlimen bulan Julai 1974 dan telah dibentangkan di sidang Parlimen bulan Julai, 1975 untuk bacaan kali pertama sahaja dan di sidang Parlimen yang berikutan untuk bacaan kali kedua dan ketiga. Ianya mendapat persetujuan Diraja dalam tahun 1976. Namun demikian Akta ini belum dapat dikuatkuasakan lagi oleh kerana masih ada beberapa kesulitan yang belum dapat diatasi dan beberapa perkara yang masih tertinggal. Penelitian yang lebih mendalam lagi telah dibuat dan hasil dari kajian tersebut beberapa pindaan didapati perlu.

Dua pindaan adalah dibuat bagi seksyen 3. Pindaan yang pertama, kepada seksyen kecil (3), meluaskan lagi bidangkuasa Mahkamah untuk memberi dikri perceraian kepada suami atau isteri yang tidak bersama-sama memeluk ugama Islam apabila pihak yang satu lagi telah memeluk ugama Islam. Dikri tersebut adalah sah terhadap pihak

yang telah memeluk ugama Islam. Pindaan yang kedua, kepada seksyen kecil (4), memberi peluang kepada bumiputra Sabah atau Sarawak dan orang asli Malaysia Barat bagi memilih untuk berkahwin mengikut peruntukan Akta ini. Tanpa pindaan, Akta ini boleh dianggap seolah-olah tidak membenarkan mereka berbuat demikian oleh kerana undang-undang diri seseorang bumiputra Sabah dan Sarawak atau orang asli tidak mengikat orang yang bukan bumiputra atau orang asli.

Pindaan kepada seksyen 12 Akta tersebut membuat peruntukan tambahan mengenai persetujuan bertulis untuk berkahwin bagi orang-orang yang belum mencapai umur dua puluh satu tahun walaupun telah mencapai umur dewasa. Bagi mereka yang adalah anak diluar nikah, persetujuan ibu adalah perlu dan bagi anak-anak angkat, persetujuan bapa angkat diperlukan. Jika bapa angkat telah meninggal dunia, maka persetujuan ibu angkat adalah perlu. Di mana kedua-dua ibubapa sama ada ibubapa sebenar atau ibubapa angkat telah mati, orang yang mengambil tempat ibubapanya sebelum ia mencapai umur itu hendaklah memberi persetujuannya.

Pindaan yang dibuat kepada seksyen 21, antara lain, bertujuan untuk menghadkan perwakilan kuasa oleh Kuasa Menteri atau Menteri Besar hanya kepada seorang Penguasa Pendaftar Perkahwinan sahaja. Dengan itu kawalan dan penyelarasan pemberian beberapa jenis lesen akan dapat dipastikan.

Pindaan kepada seksyen 28 adalah dicadangkan untuk membolehkan Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara di tiap-tiap negeri dilantik sebagai "Penguasa Pendaftar Perkahwinan" yang mempunyai kuasa untuk mengawasi semua Pendaftar. Ini adalah perlu kerana Penolong-penolong Pendaftar bukan terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan. Pada hakikatnya mereka ialah yang bertanggungjawab mengenai berhala Hindu Sikh, Cina dan sebagainya. Dengan ini saya ingin mengambil kesempatan menyeru wakil-wakil yang diiktiraf bagi kaum, puak, jawatankuasa pengurusan persatuan atau pihak berkuasa pengelolaan sesuatu madzhab, gereja atau rumah berhala supaya mengemukakan calon-calon yang sesuai untuk dilantik menjadi Penolong Pendaftar Perkahwinan di bawah kuatkuasa seksyen 28 (3), Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian)

1976. Pencalonan ini boleh dikemukakan terus kepada Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Petaling Jaya atau melalui Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri masing-masing.

Seksyen 30 perlu dipinda supaya pendaftaran perkahwinan dibuat dalam tiga salinan dan tidak lagi dalam bentuk "ledger-type". Dengan ini dapatlah dipastikan yang salinan asal dan salinan kedua dapat dihantar dengan cepat kepada Pendaftar Besar dan Penguasa Pendaftar Perkahwinan Negeri. Salinan ketiga pula akan diserahkan kepada suami atau isteri pada masa pendaftaran. Sistem catitan perkahwinan seperti ini boleh mengelakkan kerja salin-menyalin.

Pindaan kepada seksyen 31 menyusun semula seksyen itu untuk memastikan syarat-syarat yang terkandung dalamnya dapat difahami dengan jelas dan membekalkan Penguasa Pendaftar dengan salinan kedua daftar dan pihak-pihak kepada perkahwinan dengan salinan ketiga.

Pindaan kepada seksyen 33 bertujuan membekalkan Pendaftar Besar dengan salinan asal daftar perkahwinan, Penguasa Pendaftar dengan salinan kedua dan pihak-pihak kepada perkahwinan dengan salinan Ketiga.

Pindaan-pindaan juga dibuat kepada seksyen 44 dan 45. Seksyen 44 memberi kuasa khusus kepada Pendaftar Besar sahaja untuk membetulkan apa jua kesilapan yang terdapat dalam daftar perkahwinan. Dengan pengkhususan kuasa ini, dapatlah dipastikan bahawa pembetulan itu dilakukan dalam bentuk yang sama dan dapatlah dielak berlakunya kemungkinan salah guna kuasa. Seksyen 45 memastikan agar semua catitan perkahwinan disimpan di Jabatan Pendaftaran Negeri supaya jabatan itu dapat memberi cabutan sebagaimana dan apabila diminta oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Seksyen-seksyen baru 46A dan 46B memberi kuasa kepada Pendaftar Besar untuk menyiapkan daftar-daftar perkahwinan yang baru—

(a) jika didapati bahawa ada daftar-daftar yang rosak, cacat atau tulisannya tidak dapat dibaca lagi, guna mengganti daftar-daftar tersebut dengan mencatatkan semula butir-butir dalam daftar itu ke dalam daftar-daftar baru, atau

(b) untuk mengganti daftar-daftar yang hilang atau musnah, dengan Pendaftar Besar mendaftar semula segala perkahwinan yang didaftarkan dalam daftar-daftar yang hilang atau musnah itu.

Pendaftar Besar juga diberi kuasa untuk merekod catitan-catitan perkahwinan dalam daftar di atas mikrofilem dan dalam komputer.

Pindaan kepada seksyen 51 bertujuan menjaga kepentingan isteri dan anak-anak di bawah Bahagian VII dan VIII Akta jika sekiranya sesuatu pihak kepada perkahwinan menukar ugamanya.

Pindaan bagi seksyen 58 pula memberi kedua-dua suami dan isteri hak yang sama untuk menama penzinah yang berkenaan jika alasan menuntut cerai itu ialah si suami atau si isteri telah berzina dengan seorang yang lain. Walaupun demikian, Mahkamah boleh mengecualikan si suami atau si isteri daripada berbuat demikian atau sebab-sebab yang khusus. Sekiranya si isteri yang menuntut cerai, maka perempuan yang telah berzina dengan suaminya boleh didakwa bersama si suami dan demikian juga sebaliknya, jika si suami yang menuntut cerai kerana si isteri didapati telah melakukan zina dengan seorang lelaki yang lain.

Seksyen 69 adalah dipinda untuk memberi kuasa kepada Mahkamah mengisytiharkan sesuatu perkahwinan itu tidak sah sekiranya pihak-pihak perkahwinan itu bukan masing-masing lelaki atau perempuan. Ini adalah suatu alasan tambahan.

Oleh kerana Akta itu tidak dipakai bagi orang-orang beragama Islam, orang-orang Bumiputra dan Orang-orang Asli, adalah difikirkan patut menyimpan peruntukan mengenai pendaftaran perkahwinan-perkahwinan asing di bawah Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952 supaya mereka yang berkahwin di luar negeri boleh mendaftar perkahwinan mereka di dalam negeri ini. Negeri-negeri Sabah dan Sarawak juga akan dapat mengadakan kemudahan ini apabila Ordinan tersebut diperluaskan ke negeri-negeri tersebut melalui Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang.

Setelah Akta ini dilaksanakan beban kerja akan berlipat ganda di bahagian Perkahwinan dan Perceraian kerana dijangka lebih kurang 110,000 perkahwinan akan terlibat di seluruh Malaysia. Untuk mempraktikkan undang-undang baru ini dengan sempurna dan saksama maka bahagian ini perlulah diperluaskan dengan melantik lebih ramai lagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan lain. Pegawai-pegawai yang sesuai ialah dari Jabatan Pendaftaran Negara oleh kerana Ketua Pengarah Pendaftaran Negara adalah penyimpan rekod-rekod mengenai pendaftaran perkahwinan dan patut mengambil alih tugas-tugas di bawah Akta ini. Dengan adanya rancangan Jabatan Pendaftaran Negara untuk menubuhkan pejabat-pejabat di daerah-daerah dengan diketuai oleh Pegawai Tadbir Am maka adalah sesuai bagi pegawai ini dilantik sebagai Pendaftar Perkahwinan.

Apabila Akta ini dilaksanakan nanti, Jabatan Pendaftaran Negara sewajarnya memerlukan beberapa orang pegawai dan kakitangan tambahan bagi peringkat Ibu pejabat dan juga di Pejabat-pejabat Negeri dan daerah-daerah di seluruh Malaysia. Juga diperlukan seorang Penasihat Undang-undang untuk menasihatkan Jabatan tersebut dari segi beberapa perkara yang melibatkan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoon Hock.

5.13 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Akta ini untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 dengan sedikit sahaja pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 3 (a) Rang Undang-undang ini yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk memberi

dikri perceraian kepada satu pihak kepada perkahwinan yang tidak masuk Islam dan untuk menjadikan dikri itu sah terhadap pihak kepada perkahwinan yang telah masuk Islam.

Tuan Yang di-Pertua, ini akan memberi perlindungan kepada isteri dan anak-anak tentang seorang suami yang mungkin tidak mahu bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Ugama Islam ialah satu ugama yang suci, sempurna dan saya selalu menghormati. Sesungguhnya isteri-isteri yang beragama Islam yang berkahwin di bawah hukum syarak adalah menikmati perlindungan yang penuh. Apa yang saya khuatir ialah sekelamin yang mula-mulanya berkahwin di bawah Akta ini, kemudiannya suami itu masuk Islam dengan tidak menceraikan isterinya, adakah perkahwinan itu tidak sah lagi di bawah fasal 3 seksyen (3) Akta ini? Jikalau perkahwinan tidak sah lagi oleh kerana suami itu telah masuk Islam dan isterinya tidak, apa perlindungan isteri itu dan anak-anak mereka akan dapat. Tambahan pula isteri itu kasih dan sayang kepada suaminya dan tidak mahu berpisah dari suaminya. Apa perlindungan beliau akan dapat?

Sampai pula masa suami itu ingin berkahwin isteri yang baru dan lebih muda. Apa jadinya kedudukan isteri yang pertama, yang bukan muslimat itu?

Tuan Yang di-Pertua, adakah isteri pertama itu akan diiktiraf di sisi hukum syarak. Ini adalah masalah kemanusiaan yang telah timbul oleh kerana kebanyakan lelaki, saya minta maaf dari rakan-rakan lelaki saya, ialah mempunyai sikap dan faktor ke Romeoan. Dengan izin: *Most men are Romeos in nature*—tetapi saya tidak. Haraplah saya mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri atas perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 13 buah negeri dalam Malaysia ada 9 buah negeri dengan takhta Duli-duli Yang Maha Mulia, Ketua Menterinya dipanggil Menteri Besar.

Fasal 2 (b) takrif Ketua Menteri dan Fasal 9 (b) takrif Ketua Menteri pula, keduanya itu tidak berapa tepat dengan keadaan sungguhpun ertinya sama. Tidak bolehkah perkataan Menteri Besar itu ditambah meng-

ikuti atau ke belakang istilah Ketua Menteri supaya maknanya itu lebih sesuai dan lebih jelas lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

5.17 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang kita.

Sebelum saya mengambil perbahasan dalam Rang Undang-undang ini, gemar saya memberikan satu pujian kepada Kerajaan yang telah dapat meminda Rang Undang-undang ini untuk menyesuaikan keadaan masyarakat dalam negeri kita bagi umat-umat yang bukan Islam dalam bidang kahwin dan cerai.

Walaupun pindaan Undang-undang ini menunggu masa dengan begitu lama dan bagi sebuah Kerajaan yang menghormati pendapat keseluruhan rakyat dalam negeri ini telah berjumpa dengan tiap-tiap suku kaum di negeri ini untuk mengambil pendapat-pendapat suku-suku kaum dan rakyat dalam negeri dalam masalah perkahwinan. Kerajaan menalankan usaha dan ikhtiar ini ialah dengan mendapat kerjasama dan sambutan daripada semua suku kaum dalam negeri ini dalam masalah ini, maka dengan sebab itu terlahirlah pindaan yang sangat murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa satu ketika pula pindaan-pindaan yang seumpama ini dapat dilakukan dalam masalah perceraian dan nikah oleh rakyat di negara Malaysia ini yang mempunyai 13 buah negeri yang mana lebih umatnya yang bukan Islam.

Tadi Yang Berhormat sahabat saya Datuk Dr Wee Khoo Hock telah menyatakan dengan tegas dan suci hatinya menghormati undang-undang agama Islam. Ini saya sanjung tinggi, seorang rakyat Malaysia yang taat setia pada negeri ini menghormati agama rasmi negara ini. Saya mengharapkan pindaan-pindaan akan datang sekiranya tidak memberikan kelicinan di dalam pentadbiran nikah cerai rakyat bukan Islam dalam negeri ini supaya dipadankan dan disebutkan asas

dan luno yang berdasarkan agama Islam, yang ada kaitan dengan undang-undang Islam berbetulan dengan hasrat rakan saya itu, sebab saya mengetahui agama Islam ini bukanlah agama orang Melayu sahaja tetapi agama-agama manusia yang akan memberi faedah kepada seluruh alam dan agama Islam dicipta meliputi segala aspek hidup bukan sahaja dalam bidang nikah cerai sahaja termasuklah juga amalan yang lain.

Saya juga dapati dalam pindaan-pindaan ini ada unsur-unsur dan luno-luno yang berasaskan undang-undang agama Islam dari segi nikah dan cerai.

Selain daripada itu saya gemar menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa orang-orang yang bukan Islam dalam negeri ini gemar saya berikan pecahannya mengikut anutan agama masing-masing iaitu ada yang beragama, Buddha, Hindu, Kristian dan mengikut adat istiadat mereka seperti Orang-orang Asli. Jadi perkahwainan mereka ini akan dilandaskan kepada kehendak-kehendak memorandum yang dapat dikutip dan dipungut daripada rakyat dalam negeri yang ada terlibat dalam apa yang saya katakan tadi daripada tiga golongan agama tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang kita sangat hormati bahawa Kerajaan telah menyediakan Rang Undang-undang ini dan membuat pindaan-pindaan dengan tujuan memberikan perlindungan kepada rakyat dalam negeri ini yang bukan Islam apabila ditimpa satu masalah dalam urusan rumah-tangga. Tadi Menteri yang berkenaan telah menyatakan bahawa di antara satu punca yang menyebabkan perceraian itu ialah dengan sebab satu pihak melakukan perzinahan sama ada isteri atau suami. Dengan sebab rasa tak puas hati itu, mereka membawa pendakwaan ke mahkamah dan mahkamahlah yang akan membuat keputusan dalam memberikan hukuman perceraian kepada mereka.

Saya telah difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, selama ini rakyat kita yang bukan Islam apabila berlaku satu keadaan dalam rumah tangga mereka yang tidak boleh diperbaiki lagi, walau dinasihati dan diadakan Jawatankuasa supaya keluarga itu bercantum terus tetapi tidak boleh diteruskan. Mereka menuntut cerai dibawa ke mahkamah, hendak menunggu keputusan mahkamah bagi menentukan mereka dapat bercerai ianya memakan masa bertahun-tahun dan keadaan

semacam ini adalah menjadi satu kesulitan dan meruncingkan masyarakat rumahtangga rakyat yang berkenaan. Tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan kelak, saya yakin dan percaya bahawa mahkamah akan menjalankan keputusan perceraian itu dengan kadar segera yang boleh. Dengan keadaan ini dapatlah masyarakat itu mendirikan rumahtangga yang lain yang menuju kebahagiaan.

Saya juga difahamkan bahawa orang-orang yang bukan Islam tidak boleh berkahwin lebih dari satu tetapi "Kahwin Curi-curian" boleh. Ertinya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau perkataan ini terkasar di Dewan ini, maksud saya dengan ikhlas, seorang hartawan yang bukan Islam, ada mempunyai isteri yang berdaftar tetapi disebabkan oleh keteguhan kedudukan ekonomi dan jasmaninya, maka dengan sebab itulah dia mencari isteri lebih dari satu—dua, tiga, empat sehingga sepuluh. Sepuluh isteri itu dilayannya, Tuan Yang di-Pertua, dengan layanan apa yang dikehendaki oleh isteri-isteri itu sama ada rumah tangga, makan minum, hiburan, semuanya cukup. Akhirnya dalam sepuluh isterinya yang disimpan itu telah melahirkan anak juga.

Sekiranya berlaku perceraian dengan isterinya yang pertama yang didaftarkan adakah Rang Undang-undang ini dapat melindungi anak-anak dan isterinya yang sepuluh orang itu? Walaupun sebagaimana saya katakan tadi, anak yang lahir itu adalah anaknya sendiri, kalau bapanya mati, atau dia bercerai, siapakah yang hendak bertanggungjawab? Adakah ayah itu akan bertanggungjawab kepada anak-anak itu? Ini satu perkara yang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan pandangan, sebab ini terjadi dalam masyarakat kita dan undang-undang ini hendak melindungi anak dan isteri.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan seorang yang bukan Islam berkahwin dengan orang Islam. Apabila perkahwinan orang yang bukan Islam yang asalnya dahulu dia ada isteri dan ada anak, tadi Datuk Dr Wee Khoo Hock telah menyatakan juga ada isteri dan anak-anak, dia masuk Islam. Kemudian apabila dia sudah masuk Islam, menurut pentadbiran undang-undang Islam, putuslah segala perhubungan itu kecuali atas urusan Islam. Ertinya kalau suami itu mati,

isteri-isteri dan anak-anak yang bukan Islam itu tidak berhak mendapat harta bapanya. Ini juga patut kita beri perlindungan, sebab harta yang dicari oleh "A" tadi dengan isterinya yang pertama sehingga menjadi kaya raya dan dapat anak, kemudian bila dia masuk Islam, kita mesti fikirkan nasib anak-anak dan isteri-isterinya itu. Jadi dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, barulah kita benar-benar dapat mewujudkan Rang Undang-undang ini demi hendak memelihara kepentingan anak-anak itu. Sebab suami itu kadang-kadang ada orang yang taksud dengan Islam, apabila dia sudah masuk Islam, dia tak pedulikan isteri dan anaknya yang bukan Islam, tetapi pada segi undang-undang kemanusiaan dia tidak boleh berbuat begitu. Walaupun dia telah menjadi orang Islam, hubungan ayah dan anak dan bekas isterinya itu adalah sebagai manusia patut kita berikan kasih sayang dan muhibbah. Masalah agama itu lain.

Jadi dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa peruntukan ini hendaklah ditentukan menjamin nasib anak-anak yang bukan Islam dan kalau dia hendak kahwin dengan orang Islam juga, bukan saya hendak sekat, tetapi hendaklah diambil tahu, oleh Jabatan Ugama Islam dengan menentukan perlindungan kepada anak-anak itu. Jangan dia dibenarkan terus masuk Islam dengan sebab dia hendak masuk Melayu, kerana dia sukakan orang Melayu, dia masuk Melayu. Jangan dibiarkan dengan sewenang-wenangnya diamalkan sebagaimana di masa lalu. Mesti ada tanggungjawab, Jabatan Ugama Islam Negeri kita patut membuat satu pertanyaan: Sebelum daripada kamu masuk Islam, sudahkah beristeri? Sudahkah ada anak dan sudahkah mempunyai harta? Jadi hal ini, Tuan Yang di-Pertua, barulah berguna Rang Undang-undang ini pada umat yang bukan Islam dan rakyat Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi takdirnya kedua-dua yang bukan Islam ini masuk Islam suami dan isterinya juga anak-anaknya, maka dengan sendirinya menurut hukum Islam—Tuan Yang di-Pertua, faham—dengan sendirinya tidak payah didaftarkan lagi, tidak payah didaftarkan nikah dalam Islam lagi, nikah dalam bukan itu diiktiraf. Ini menurut pandangan saya boleh diteruskan, jadi dengan keadaan ini mereka kena juga merujuk kepada Pendaftar Mahkamah Perkahwinan ini mengatakan bahawa mereka

telah memeluk agama Islam suami isteri dan dengan keadaan ini tidak ada kaitan lagi berhubung dengan pendaftaran nikah cerai orang yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya salah, barangkali alim ulamak yang ada dalam Dewan ini boleh betulkan, tetapi menurut pengajaran saya yang cetek ini begitu. Saya hendak cerita sedikit, saya pernah mendapat anak angkat orang yang bukan Islam dari keturunan orang India, dia sanggup dan rela hendak memeluk Islam suami isteri dan juga anaknya, dengan keadaan ini saya minta fatwa daripada Kadi, adakah hendak dibaharui nikahnya dalam Islam, dia kata tidak. Jadi alangkah bahagiannya, moleknnya agama Islam mengenai masalah ini, menghormati nikah yang bukan Islam, itu sebab saya kata satu ketika kelak apabila hendak membuat pindaan-pindaan ini ambillah lunas-lunas yang ada dalam agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara mengenai nikah dengan orang Asli sama ada di Sabah atau di Semenanjung, orang yang bukan Islam dia nikah dengan orang Asli, jadi nikah dengan orang Asli ini saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah perlu mengikut kehendak Rang Undang-undang ini nikahnya itu hendaklah mengikut adat-istiadat kaum Asli itu sama ada di Sabah atau di Semenanjung. Nikah mengikut adat istiadat ini adakah perlu mereka mesti mendaftarkan nikahnya kepada Lembaga Pendaftaran Nikah ini, itu saya hendak tanya dan saya minta pihak pendaftaran juga mengawasi bahawa ada setengah-setengah golongan yang hendak kahwin dengan orang Asli ini, bukan tujuan murni hendakkan orang Asli yang begitu cantik dan molek walau dalam hutan, tetapi ada satu tujuan lain, tujuan mereka supaya dapat diiktiraf sebagai orang-orang bumiputra. Bila bercakap bumiputra dia berhak hak bumiputra, ini juga hendaklah diperhatikan keadaan ini, kalau tidak dapat dikawal dengan begitu rapi orang-orang ini akan jadi orang bumiputra, dia akan dapat hak-hak bumiputra dengan keadaan itu hak bumiputra ini akan tercabul pada satu masa yang datang. Kalau dengan nama dia, dia tidak dapat hak bumiputra tetapi dengan dia nikah dengan orang ini dia boleh jadi orang bumiputra, hak bumiputra dia dapat. Waktu dia hendak berkahwin ini patut ditanya kepada mereka apakah tujuan, kalau tujuannya suka sama suka, sudah lama

dia beromen katanya, nikah, daftarkan tidak apa, tetapi kalau tujuan lain kita kena soal-mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Lembaga Perceraian ini akan menjalankan satu tugas yang berat kerana kita akan memproses dan akan mempraktikkan amalan tidak kurang daripada 100,000 lebih yang akan terlibat dan pegawai dan kakitangan akan ditambah, ini sangat baik, dan saya hendak tanya bolehkah kakitangan orang yang bukan Islam menjadi pegawainya.

Yang kedua, tolong berikan garisan kasar berapa pembayaran pendaftaran nikah ini kepada seseorang itu dan hasil ini diterima oleh Jabatan Adat Istiadat Orang-orang Asli ataupun diterima oleh Perbendaharaan, ini satu masalah yang kita hendak tahu, pendaftaran dikenakan bayaran dan bayaran itu di mana hendak dikembalikan sama ada diserahkan kepada Lembaga Adat Istiadat daripada pihak bumiputra atau dikembalikan kepada Kerajaan. Dalam masalah pegawai ini adakah diambil pegawai penasihat bagi memberi nasihat dalam urusan pendaftaran nikah ini.

Selain daripada itu, tadi Yang Berhormat telah mengatakan dia akan membuka peluang calon-calon yang menjadi Penolong Pendaftar, calon-calon ini juga kita dapati daripada suku kaum itu, tetapi saya ingin tahu apa syarat-syarat yang layak pada mereka itu untuk menjadi calon pendaftaran nikah dan cerai kepada suku kaum itu dan adakah mereka ini kita berikan satu elaun yang tertentu atau dibolehkan mereka mengambil imbuhan daripada Pendaftaran Nikah dan Cerai itu. Itu kita hendak tentukan sebab seorang juru nikah yang bukan Islam. Penolong Pendaftaran yang bukan Islam, kita tidak tentukan pembayaran, tidak tentukan imbuhan boleh jadi macam-macam masalah akan timbul kepada masyarakat yang bukan Islam hendak menikah dikenakan bayaran mahal dan kadang-kadang bayaran lebih tinggi itu menjadi satu masalah yang akan tiba masanya bila hendak mendaftarkan melalui Penolong-penolong Pendaftaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir setakat inilah sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim.

5.38 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ialah untuk membaharui Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita sekarang iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Mem-baharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibentangkan ini adalah ter-pulang kepada kita sendiri, perkara ini ada-lah perkara yang sensitif, kalau sekiranya kita tidak bercermat boleh mendatangkan ber-macam-macam perkara yang tidak diingini. Tetapi saya percaya tiap-tiap seorang dari-pada Ahli Yang Berhormat yang membahas-kan perkara-perkara yang sensitif semacam ini adalah membahas dengan dada yang ter-buka, dengan dada yang lapang jauh sekali daripada emosi. Tetapi walau macam mana sekalipun tiap-tiap seorang itu mestilah cen-derung kepada agama masing-masing. Orang Islam sudah tentulah cenderung kepada ugamanya, orang Kristian pun begitu dan begitulah juga orang Buddhist. Di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit pun tidak ada perkara emosi di dalam hujah-hujah yang saya hendak kemukakan tetapi sebagai se-orang Ahli Dewan Negara saya wajib mem-perkatakan apa yang ada di dalam fikiran saya dan apa pendapat saya walau sekalipun pendapat saya ini tidak selaras, tidak sejalan, tidak sebulu dengan rakan-rakan saya.

Saya nampak perkara yang besar dalam perkara ini ialah Seksyen 3 sebagaimana yang dibahaskan oleh rakan-rakan saya yang ter-dahulu iaitu kuasa Mahkamah membicarakan orang-orang yang dahulunya mendaftarkan nikahnya di bawah Undang-undang ini, ke-mudian keluar memeluk agama Islam. Orang-orang ini tidak terlepas daripada Undang-undang ini dan dia mesti dibicarakan di-bawah Undang-undang ini. Ini sahaja masalahnya.

Jadi saya sukalah menerangkan sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Per-lembagaan Malaysia kalau kita baca maka telah diterangkan dengan seterang-terangnya bahawa sesungguhnya selain daripada di-katakan agama Islam itu agama rasmi negara maka dibuatkan 2 senarai. Satu senarai kuasa Kerajaan Persekutuan membuat undang-undang dan satu senarai lagi kuasa Kerajaan Negeri membuat undang-undang perkara-

perkara agama yang berhubung dengan hukum syarak, perkahwinan, nikah cerai dan nafkah anak-anak adalah termasuk di dalam senarai yang kedua iaitu kuasa negeri dan se-bagaimana yang kita tahu hal agama ini sama juga seperti yang kita baca sama ada di dalam Perlembagaan Malaysia ataupun Perlembagaan Negeri-negeri di dalam Malaysia.

Di dalam Perlembagaan Malaysia, Yang di-Pertuan Agong adalah menjadi Ketua Agama manakala di dalam Perlembagaan Negeri-negeri Sultan-sultan Negeri itulah yang menjadi Yang di-Pertuanya. Sultan-sultan Negeri itu menerusi Majlis Agama Islam membuat undang-undang yang akan di-luluskan oleh Kerajaan Negeri itu oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing. Jadi sudah terang perkara hal agama adalah terletak di dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri yang ter-letak di bawah Raja-raja Negeri itu.

Sekarang kita berbalik kepada Seksyen 3. Seksyen 3 ini menyatakan—

“(3) Akta ini tidak boleh dipakai bagi se-seorang Islam atau bagi seseorang yang kahwin di bawah Hukum Syarak dan tiada sesuatu perkahwinan boleh diupacarakan atau didaftarkan di bawah Akta ini jika salah seorang daripada pihak-pihak kepada perkahwinan itu menganut agama Islam,”

Ini sudah diberi penjelasan dengan seterang-terangnya iaitu kepada orang Islam Akta ini tidak dikenakan, tidak boleh dipakai atau orang yang berkahwin di bawah hukum Syarak tetapi malangnya di akhir ayat selepas daripada itu tidak diletak ‘fullstop’, dibubuh ‘koma’ sahaja. Selepas ‘koma’ itu dikatakan pula:

“. tetapi tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh diertikan sebagai meng-halangi sesuatu mahkamah yang dihadapan-nya suatu petisyen perceraian telah dibuat di bawah seksyen 51 daripada memberi dikiri perceraian atas petisyen daripada satu pihak kepada sesuatu perkahwinan jika pihak yang satu lagi itu telah masuk Islam, dan dikiri itu adalah, walau apa pun undang-undang bertulis lain yang ber-lawanan, sah terhadap pihak kepada per-kahwinan itu yang telah masuk Islam sedemikian itu.”

Beginilah bunyi ayat ini, kalau kita baca di dalam Perlembagaan sudah tetap. Tuan Yang di-Pertua, itu pada pendapat saya, saya bukan ahli undang-undang, saya bukan pakar undang-undang, saya cuma bekas ustaz sahaja tetapi pada pendapat saya terang-terang ini adalah menyentuh kedaulatan Islam. Dengan sebab itu saya bangkang ayat yang akhir ini tidak kena. Saya minta digugurkan melainkan ayat itu berbunyi seperti berikut:

“(3) Akta ini tidak boleh dipakai bagi seseorang Islam atau bagi seseorang yang berkahwin di bawah Hukum Syarak dan tiada sesuatu perkahwinan boleh diupacarkan atau didaftarkan di bawah Akta ini jika salah seorang daripada pihak-pihak kepada perkahwinan itu menganut agama Islam”.

Ayat selepas daripada itu dibuang. Itu pada pendapat saya. Inilah harapan saya kerana daripada ke'eterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu Rang Undang-undang ini memberi kawalan, hendak mengawal pihak-pihak yang tidak masuk Islam itu daripada terkena kezaliman. Masalah ini tidak timbul sama sekali. Kalau macam ini diberi takrif kerana hendak lari daripada kezaliman sedangkan hendak mengawal orang-orang itu daripada ancaman Islam maka itulah diberi kuasa kepada Mahkamah supaya membicarakan suaminya atau isterinya yang tidak masuk Islam itu terhadap suami atau isteri yang masuk Islam. Saya fikir ini adalah satu tuduhan yang tidak betul kerana Islam memberi keadilan; siapa kata dengan menuntut nafkah di dalam Mahkamah Syariah itu tidak ada keadilan? Kalau macam itu Mahkamah-mahkamah Syariah yang ada di Malaysia ini beralian dengan tidak adil, boleh difahamkan begitu padahal pada pendapat saya semua mahkamah sama sahaja sama ada Mahkamah Syariah, Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi sama sahaja, masing-masing menuju kepada keadilan, dia akan mencari keadilan seboleh-bolehnya untuk memberi hukuman.

Jadi ayat ini dibuat semata-mata kerana hendak melindungi orang ini, itulah yang saya katakan tidak kena. Berikan peluang kepada orang ini boleh tuntutan di dalam Mahkamah Syariah terhadap suaminya yang sudah memeluk agama Islam atau terhadap isterinya yang telah memeluk agama Islam. Kalau sekiranya undang-undang ini diluluskan maka, akan kekallah ayat yang bertulis

bahawa Hakim itu boleh memberi dikri dengan tidak menghiraukan undang-undang bertulis yang lain. Maka sebagaimana yang kita tahu dan kita sedar, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap Jabatan Ugama Negeri, tiap-tiap Majlis Ugama Islam negeri itu ada mempunyai enakmen, mempunyai undang-undangnya sendiri yang mana di bawah enakmen inilah mereka menjalankan hukuman-hukuman, Mahkamah-mahkamah Syariah menjalankan hukuman-hukuman. Jadi di bawah enakmen inilah Kadi boleh menjalankan hukuman sama ada di dalam segi perkahwinan, perceraian, nafkah dan sebagainya. Tetapi di sini terang-terang dengan tidak menghiraukan segala undang-undang bertulis yang lain, maknanya enakmen yang ada di dalam negeri itu diketepikan. Ini dahsyat! Enakmen yang diluluskan oleh Raja Negeri itu sebagai Raja yang berdaulat ke atas ugama Islam untuk di'alkan, ke atas orang Islam tidak diperdulikan oleh undang-undang ini, diketepikan kerana hendak menjalankan keadilan di sini katanya. Sebab itulah saya membangkang. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Di dalam perkara ini daripada segi undang-undangnya dan dari segi ugamanya saya tidak dapat telan, saya kata seksyen ini bahagian akhirnya itu adalah menyentuh kedaulatan Islam, menyentuh Ugama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, di manakah keadilan? Cuba fikirkan, saya minta maaf kepada saudara saya Datuk Haji Ahmad Arshad yang sebentar tadi saya tidak dapat berse'uju dengan pendapat dia dan saya terpaksa mengeneipkan fikiran dia dalam perkara ini.

Saya bawa misal bagaimana contohnya, bagaimana hinanya Islam di dalam negara Malaysia yang mengakui Islam itu sebagai agama negara dan ugama rasmi. Seorang Islam hanyalah boleh membicara hal perkahwinan, Mahkamah Syariah hanya boleh membicarakan masalah perkahwinan, perceraian, nafkah dan sebagainya kepada orang Islam semata-mata, orang Islam asli. Tetapi di bawah Undang-undang ini, seorang yang bukan Islam sama ada dia Kristian, sama ada dia Buddhist, sama ada dia orang Asli berkahwin di bawah Undang-undang ini, dia mesti dibicarakan mengikut Undang-undang ini. Kalau sekiranya salah seorang daripadanya menganut agama Islam sama ada isteri dia masuk Islam atau suaminya masuk Islam

maka dia juga akan dibicarakan di bawah undang-undang ini dengan tidak peduli dia itu Islam atau tidak, tidak dihiraukan apa-apa pun juga.

Seorang Islam keluar daripada agama Islam (murtad) Wal'iyā-zubillah', tiada satu dalam undang-undang yang dibuat di dalam Malaysia sama ada Negeri atau Persekutuan yang melarang orang Islam keluar daripada agama Islam. Seorang Islam yang keluar daripada agama Islam boleh berkahwin menurut undang-undang ini, kerana undang-undang ini hanya menegah semasa dia Islam sahaja, pada masa dia tidak Islam dia boleh kahwin di bawah undang-undang ini. Maka apakala dia berkahwin, kalau ada berselisih dengan isterinya dia mesti dibicarakan di bawah undang-undang ini. Kalau sekiranya dia kembali kepada agama Islam dia bertaubat, kerana orang Islam apakala keluar daripada agama Islam wajib dia kembali kepada agama Islam semula, dan apabila dia kembali kepada agama Islam semula akan berlakulah sama ada suami atau isterinya akan tinggal di dalam agama lain, maka dia akan dibicara dan dihukum di bawah undang-undang ini dengan tidak peduli kepada undang-undang (Enakmen) hukum syarak kerana Enakmen Hukum Syarak tidak boleh membicarakannya, yang boleh membicarakannya ialah di bawah undang-undang ini. Tidakkah ini satu penghinaan? Orang Islam keluar daripada agama Islam berkahwin mengikut undang-undang ini apakala masuk Islam balik maka dia juga tertakluk di bawah Undang-undang ini. Seorang suami atau isteri kalau salah seorang daripadanya memeluk agama Islam dia juga akan didakwa di bawah Undang-undang ini. Sebenarnya perkara yang seumpama ini adalah saki-baki penjajah. Inilah undang-undang yang dibuat oleh penjajah British dahulu.

Perkara ini tidak putus-putus telah di-suarakan oleh umat Islam khasnya orang Melayu di negeri ini. Mereka kata macam mana orang Islam di negeri ini kena dera, kena denda, kena hukum di dalam negeri sendiri kerana menjalankan agamanya.

Perkara perkahwinan bukannya masalah detail, ini masalah prinsip, ini adalah masalah pokok, masalah asasi tidak boleh bertolak ansur. Dengan sebab itu saya mengatakan ayat yang akhir ini adalah mencabul kedaulatan agama Islam. Dengan sebab itu undang-undang ini tidak patut dibuat.

Ayat ini tidak patut diadakan dalam undang-undang ini, mesti dihapuskan. Kalau mana-mana orang Islam mengiakkannya, ia berdosa. Sebab itu saya tidak mahu berdosa, saya tetap membangkang sama ada undang-undang ini diluluskan atau tidak dia punya fasal. Ini saya bukan bercakap dengan sentimen, saya bercakap ini secara dada terbuka, maknanya sekarang ini apalah salahnya dalam kita membuat undang-undang ini kita memberi banyak perkara kemudahan kepada orang-orang yang bukan Islam maka tidak usah disentuh kemurniaan Islam.

Apabila seseorang itu telah memeluk agama Islam, sudah habis, dia tidak lagi tertakluk kepada undang-undang ini, dia tidak lagi tertakluk kepada Mahkamah sivil di dalam perkahwinan dan sebagainya rojok kepada Mahkamah Syariah, kerana sama-sama mendapat keadilan, itu maksud saya. Undang-undang ini kalau sekiranya hendak dibetulkan maka patut ditambah dengan ayat ini lagi patut, ditambahkan Fasal 3 ini: "Akta ini tidak boleh dipakai bagi seseorang Islam atau bekas seorang Islam." Jadi Akta ini bukan orang Islam sahaja, kalau orang itu sudah keluar daripada Islam pun tidak boleh pakai juga Akta ini tidak mengena dia juga, baru ada erti. Ini tidak, bukan serampang dua mata, serampang satu mata sahaja. Hak yang ini kena, hak yang itu tidak kena. Mana ada keadilan. Orang Islam keluar daripada agamanya memeluk agama lain boleh kahwin di bawah undang-undang ini, balik semula kepada agama Islam, tak aci itu! Orang Trengganu kata "tak aci". Dia tetap kena di bawah undang-undang ini tetapi orang agama lain berkahwin di bawah undang-undang ini masuk Islam dia tidak boleh kahwin di bawah undang-undang Islam kena di bawah undang-undang ini juga.

Ini satu hukuman denda, maka menurut hukum agama Islam, perkara perkahwinan, perkara perceraian tidak boleh dibicarakan oleh mahkamah selain daripada Mahkamah Syariah yang hakim-hakimnya beragama Islam. Tidak boleh, tidak dibenarkan mahkamah-mahkamah yang bukan Islam membicarakannya. Maka masalah ini akan timbul, banyak sangat implikasinya. Hakim-hakim yang akan menghukum mengikut undang-undang ini ia mengenyepikan agama Islam langsung kerana Agama Islam tidak ada kena-mengena dengan mereka. Apa yang dititik beratkan ialah hal undang-undang semata-mata.

Kalau sekiranya seorang suami masuk agama Islam dan isterinya itu tidak masuk agama Islam sama maka isterinya boleh mendakwa suaminya itu di dalam mahkamah sivil dan bicara di dalam mahkamah sivil adalah mengikut undang-undang ini. Hakim boleh memberi keputusan sama ada perkahwinan kedua mereka dikekalkan atau dibubarkan, terpulang kepada Hakim. Kalau Hakim kata perkahwinan awak kedua ini dikekalkan maka akan menjadi keputusan dan tidak boleh dibubarkan. Padahal menurut agama Islam apabila seseorang isteri masuk Islam suami tidak masuk maka dengan sendirinya bercerai, begitu juga kalau sekiranya suaminya masuk Islam isterinya tidak masuk dengan sendirinya bercerai. Mereka bukan lagi suami isteri, itu mengikut hukum agama Islam. Maka perintah Hakim iaitu mengikut Civil Marriage mereka masih laki bini lagi. Jikalau sekiranya masih laki bini dan suami pun balik kepada isterinya, sudah jadi zina dalam hukum Islam, dia berzina dengan isterinya, padahal bukan isteri dia lagi menurut Islam tetapi isterinya menurut hukuman mahkamah. Hukuman mahkamah ini masih dipakai kerana di dalam Undang-undang ini menyatakan: dengan tidak menghiraukan undang-undang yang bertulis yang lain walaupun di dalam Enakmen di dalam negeri-negeri itu kata tidak boleh, tetapi di sini kata boleh. Maka mengikut peraturan apakala mana-mana undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dengan undang-undang yang diluluskan oleh Negeri, maka undang-undang Parlimen itu adalah mengatasi undang-undang Negeri. Maka tidak semena-mena kita menolong orang itu hidup laki bini dengan berzina, apabila dapat anak pula, Tuan Yang di-Pertua, anak itu di dalam Islam ialah anak zina, anak yang tidak sah-taraf dalam Undang-undang ini mengatakan anak tidak sah taraf. Boleh jadi Hakim berkata isterinya itu masih sah lagi mengikut undang-undang. Tetapi mengikut Hukum Syarak tidak.

Jadi dengan sebab itulah saya kata undang-undang ini mesti dipinda, sebab itulah pihak saya sendiri memang setuju, Tuan Yang di-Pertua. Fasal 3 ini habis sampai setakat: menganut agama Islam, tetapi ayat di akhir itu hendaklah dibuang, ini saya akan syorkan di dalam peringkat Jawatankuasa sama ada dipersetujui oleh ramai atau tidak terpulang kepada masing-masing. Saya bukan mencari kemenangan, tetapi saya mencari keadilan dan mencari hak kebenaran.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein.

6.01 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu perkara yang besar walaupun dipandang kecil dan kita terpaksa membahaskan Rang Undang-undang ini dengan begitu cermat dan teliti, maka masalah ini pada mulanya tidaklah ingin saya hendak membahaskan, tetapi apabila bangkit satu dua masalah maka saya rasa saya juga bertanggungjawab jikalau sekiranya saya tidak bangun memperkatakan perkara-perkara yang tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bercakap panjang dalam masalah ini jikalau nanti terkeluar daripada satu-satu perkara yang mesti kita memikir dengan teliti dan betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Undang-undang ini walaupun tidak dituju kepada perkahwinan orang-orang Islam, tetapi yang patut ditarik perhatian ialah tidak dalam masalah lain, yang kita menarik perhatian ialah di dalam muka 3, Seksyen 3 (b) mestilah menjadi perhatian berat dan benar-benar bercermat. Sebab saya katakan bahagian (b) sedemikian, apa yang saya hendak bahaskan juga sudah diperkatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Ustaz Haji Mahmoud Salim memang saya baca daripada tadi ayat ini. Berkenaan ayat-ayat ini juga yang akhir saya juga turut membangkang sama dengan saudara Ahli Yang Berhormat Menteri yang memberikan penjelasan dalam Rang Undang-undang ini, kerana dalam perkara ini kita mesti membuat kajian yang cermat dan teliti dan menyesuaikan di setiap bidang. Sebab dalam Undang-undang Islam, saya minta maaf, walaupun sekiranya kita katakan bahawa Rang Undang-undang ini tidak kena-mengena dan kait mengait tetapi kita mesti menghormati sebab Undang-undang Islam sungguh adil dan sudah tercatat dengan lengkap keadilannya. Dengan dua ayat sahaja saya baca di sini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

(1) Inna dina indallahil Islam.

(2) Indallah Yahkumul biladli.

Jadi, daripada dasar ayat Quran ini maka sudah jelas tidak boleh dari segenap pihak yang memandang bahawa barangkali ini satu undang-undang yang baik lagi daripada undang-undang Islam yang ada ini. Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat saudara saya tadi Datuk Dr Wee Khoo Hock yang beliau sendiri menghormat dan menjunjung tinggi ugama Islam itu. Kita ucapkan terima kasih. Tetapi sebenarnya inilah yang saya perkatikan dalam masalah ini saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat saudara saya ustaz Haji Mahmoud Salim tadi kalau patut ditarik balik ayat ini supaya janganlah menjadi satu perkara yang menjadi pencabulan balik kepada undang-undang yang sebenarnya dari segi konteks Islam ini.

Akhir sekali, saya sekali lagi minta maaf kepada pendapat saudara saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi kalau tidak silap pendengaran saya, Yang Berhormat menyatakan kita harus sungguh bangga kerana perkahwinan lain seperti pandangan Yang Berhormat beri tadi ada anak angkat yang ugamanya Hindu, suami isteri dan anak-anak masuk Islam. Rupanya bila Yang Berhormat tanya kepada satu pendapat mengatakan bila sudah memeluk ugama Islam tidak payah akad nikah lagi. Saya rasa barangkali orang itu memberi pendapat kepada Ahli Yang Berhormat itu silap, tetapi yang sebenarnya kalau di dalam konteks ugama Islam mestilah dilakukan akad

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Beri jalan?

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Ya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Pendapat saya ini berpandu kepada Kadi Daerah Muar. Apabila saya sudah Islamkan kedua-dua orang ini saya bertanya adakah perlu dinikahkan semula. Jawabnya tidak. Ini panduan saya daripada Kadi, bukan daripada saya.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, itu saya katakan, apa yang dikata oleh saudara Yang Berhormat itu saya tidak katakan pendapat Yang Berhormat, terima kasihlah kalau berpendapat

begitu. Tetapi penjelasan daripada saya ini di mana saya sendiri tidaklah terdapat lagi seperti itu, sebab kalau menurut di dalam undang-undang dari segi hak Mahkamah Syariah mestilah kalau sesudah seseorang itu atau sekeluarganya memeluk ugama Islam dia hendaklah mengikut cara perkahwinannya dengan secara Islam kerana ini bukanlah satu perkara yang berat dan susah. Jadi ini sahajalah. Saya tidak tahu dalam segi pendapat Jabatan-jabatan Ugama Negeri-negeri dalam Malaysia ini tetapi ini saya tahulah sebahagian daripada yang saya tahu. Jadi ini sahajalah yang saya juga rasa bertanggungjawab kerana kalau sekiranya di akhir waktu mengesahkan Rang Undang-undang ini dengan tidak sengaja kita semua terlibat nanti dan supaya jangan terlibat untuk menjadi saksi kepada kita yang bercakap dan membangkang ini, maka dapatlah dipertimbangkan balik ayat itu semula dengan pendapat saya dan saudara saya Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. Subramaniam.

6.06 ptg.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Ahli-ahli Yang Berhormat tadi timbul beberapa perkara mengenai ugama Islam, saya fikir saya tidak hendak memberi hujah-hujah atas perkara ini dan terpulanglah kepada Menteri yang berkenaan. Saya menyokong Rang Undang-undang ini dari fasal-fasal lain.

Pada keseluruhannya saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah membawa beberapa pindaan-pindaan yang perlu dan juga atas Rang Undang-undang yang asal yang telah diluluskan pada tahun 1976. Tetapi saya suka menarik perhatian Kementerian berkenaan seperti yang diterangkan oleh Timbalan Menteri walaupun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menggubal satu undang-undang seperti ini dari tahun 1973 di mana satu Jawatankuasa Pilihan Bersama dilantik oleh Kerajaan dan selepas itu Akta 164 diluluskan pada tahun 1976 tetapi hingga sekarang Rang Undang-undang itu belum dikuatkuasakan

walaupun penerangan telah diberi oleh Menteri berkenaan tetapi perkara ini iaitu perkara perkahwinan kepada mereka yang beragama Hindu, mereka yang bukan beragama Islam Rang Undang-undang ini adalah sangat mustahak pada pandangan-pandangan yang mereka telahpun berikan kepada Jawatankuasa Pilihan Bersama sebelum Undang-undang ini digubal oleh Kerajaan. Jadi, saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengambil tindakan-tindakan dengan segeranya untuk menguatkuasakan Rang Undang-undang ini selepas pindaan-pindaan ini diluluskan.

Saya suka membawa perhatian Kementerian berkenaan bahawa Rang Undang-undang ini selepas diluluskan oleh Dewan, saya harap Kementerian akan mengambil satu tindakan untuk memberi publicity yang meluas kepada Rang Undang-undang ini. Oleh sebab mengikut amalan (practices) mereka yang bukan Islam khususnya mengenai perkahwinan, ada beberapa cara yang mereka amalkan, seperti orang Hindu ada berbagai cara-cara mengupacarakan perkahwinan. Sekiranya peraturan-peraturan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini tidak diberi publicity yang meluas—publicity melalui media Kerajaan, Radio dan Televisyen, surat-khabar dan juga Pejabat Penerangan—kepada golongan-golongan yang tidak memahami Rang Undang-undang ini maka mereka akan terus mengamalkan cara-cara mereka sungguhpun Rang Undang-undang ini telah dikuatkuasakan.

Mengenai hal ini, saya juga merujuk kepada Rang Undang-undang yang asal itu, seorang yang mengupacarakan atau membuat sesuatu yang berupa sebagai mengupacarakan satu-satu perkahwinan manakala ia tidak dibenarkan berbuat demikian itu di bawah Akta ini adalah bersalah atas satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada 10 tahun dan denda tidak lebih daripada \$15,000. Ini dari Akta asal Fasal 40. Walaupun undang-undang ini telah diluluskan pada tahun 1976 tetapi dari penerangan yang diberi oleh Timbalan Menteri yang berkenaan masih ada beberapa kekurangan. Jadi boleh berlaku selepas pindaan ini diluluskan ada kemungkinan pada semua fasal-fasal atau peraturan-peraturan ini tidak diikuti oleh satu-satu golongan yang mengikut perkahwinan mengikut cara-cara ugama mereka yang bukan Islam. Jadi, saya harap satu

tempoh pengecualian (grace period) ditimbangkan oleh Kementerian dan dalam tempoh itu, jika kesalahan berlaku di bawah Fasal 40 ini iaitu hukuman yang ditujukan mengikut Fasal 40 ditimbangkan oleh Kementerian ini dalam menguatkuasakan Rang Undang-undang ini.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak timbulkan dalam Rang Undang-undang ini ialah mengenai perlantikan Penolong Pendaftar Perkahwinan. Mengikut pindaan, Menteri boleh melantik beberapa orang pegawai awam mengikut nama atau jawatan menjadi Penolong Pendaftar Besar Perkahwinan, Penguasa Pendaftar Perkahwinan dan juga Pendaftar Perkahwinan dan Timbalan Pendaftar Perkahwinan bagi mana-mana daerah perkahwinan dalam satu-satu negeri dan Wilayah Persekutuan sebagaimana yang dinyatakan dalam perlantikan itu. Saya juga mengucapkan terima kasih atas seruan yang dibuat oleh Timbalan Menteri kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mengemukakan calon-calon untuk dilantik sebagai Pendaftar Perkahwinan.

Dalam perkara ini, sukalah saya menarik perhatian bahawa apabila Undang-undang asal diluluskan ataupun kepada Jawatankuasa Pilihan Bersama, pihak-pihak berkenaan khususnya saya tujukan kepada mereka yang yang menganuti ugama Hindu ataupun orang-orang India sebahagian yang menganuti ugama Kristian, terdapat dari golongan-golongan ini perkahwinan bukan sahaja dilakukan di rumah-rumah berhala tetapi juga di lain-lain tempat khususnya perkahwinan reform marriage iaitu perkahwinan yang tidak dikehendaki dijalankan di rumah berhala ataupun temple yang boleh dijalankan di mana-mana dewan mengikut satu cara-cara tertentu yang dipanggil reform marriages. Perkahwinan ini juga dijalankan dalam kalangan orang India di negara ini; perkahwinan ini dijalankan khususnya oleh Persatuan Malaysian Dravidian Association dan juga ada persatuan-persatuan lain yang menjalankan perkahwinan ini dalam negara kita. Selain dari reform marriages yang dijalankan oleh Persatuan Malaysian Dravidian Association ada juga perkahwinan-perkahwinan yang serupa yang dijalankan oleh persatuan-persatuan lain juga dalam negara kita. Hingga sekarang ugama-ugama ini mengikut Akta ini dianggap sebagai perkahwinan di bawah Akta ini.

Selepas ini saya harap semua golongan seperti Malaysian Dravidian Association, semua berhala-berhala, gereja dan semua pihak diberi peluang supaya mereka dilantik sebagai Penolong Pendaftar Perkahwinan. Ini adalah satu perkara yang telah diterima oleh Menteri yang berkenaan pada masa beliau mengemukakan Rang Undang-undang ini—Rang Undang-undang asal pada tahun 1976. Jadi, saya harap Kementerian dan Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian atas perkara ini dan memberi peluang kepada semua pihak bukan sahaja rumah-rumah berhala seperti yang dikatakan dalam Undang-undang ini, bahkan juga kepada semua kaum, puak, persatuan, gereja atau rumah berhala bagi mana-mana daerah. Penolong Pendaftar Perkahwinan hendaklah dilantik dari semua kaum, puak, persatuan gereja atau rumah berhala.

Saya harap Kementerian apabila menguatkuasakan Undang-undang ini dapat menemui kepada semua pihak-pihak ini, oleh sebab walaupun Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa pihak-pihak yang bertanggungjawab boleh mengemukakan nama-nama atau calon-calon untuk dilantik sebagai Penolong Pendaftar Perkahwinan tetapi boleh jadi ada golongan-golongan seperti persatuan yang saya sebutkan tadi ataupun pihak-pihak lain yang tidak memahami ataupun tidak mengetahui perkara-perkara ini. Saya harap publicity yang luas diberi atas perkara-perkara ini kepada semua golongan-golongan yang telah menjalankan perkahwinan bukan monogamous mengikut agama Hindu hingga sekarang. Jadi ini adalah satu undang-undang selepas pindaan ini apabila dikuatkuasakan akan change the history of Hindu marriages in this country.

Oleh sebab itu saya harap Kerajaan dapat melalui media Kerajaan, melalui radio dan television, melalui Pejabat Penerangan, melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kerajaan dapat menerangkan syarat-syarat ini kepada bukan sahaja pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti berhala dan persatuan dan lain-lain pihak yang menjalankan perkahwinan agama Hindu bahkan kepada rakyat orang India di seluruh negara kita untuk memahami syarat-syarat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.21 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 1976 dan sambil saya menyokong, saya suka juga memberi pandangan saya atas seksyen 3 yang dianggap panas di Dewan ini—this is a hot issue.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen ini nampaknya ada kelemahan. Seperti kita semua tahu agama adalah bebas, tidak siapa pun memeluk sesuatu agama melalui paksaan.

Kelemahan pertama, umpamanya dengan peruntukan seksyen ini, jika saya, pada masa akan datang, berminat untuk memeluk agama Islam, tetapi jika isteri saya tak hendak, saya tidak dapat paksa dia sebab beragama adalah bebas. Jika dia setuju dan keluarga semua setuju, itu bagus, tak jadi soal, tetapi dengan adanya seksyen ini jika saya memeluk agama Islam dan sungguhpun saya pujuk dan panggil mereka semua ikut bersama-sama tetapi dia tidak hendak, setakat itu sahaja boleh saya buat, saya tidak boleh paksa. Jadi kehidupan dalam keluarga itu akan sentiasa dalam ketakutan (fear). Takut apa? Bagi pihak isteri dia takut nanti saya petisyen perceraian. Jadi dalam kehidupan seperti itu tidaklah kita sebut kehidupan seronok atau megah (the family is not a relaxed family). Pada pendapat saya jika tidak ada peruntukan seperti seksyen ini sesuatu keluarga yang seperti kita tahu ialah happy family boleh mengekalkan keadaan sungguhpun agama berlainan, sebab kita terima keadaan begitu. Kalau isteri saya pula memeluk agama Islam dan saya berpegang kepada agama asal saya, jadi soal juga. Saya akan hidup selalu dalam ketakutan bilakah isteri saya akan mengambil divorce petition terhadap saya. The fear is always there; the way is always open for divorce proceedings. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, this sort of situation cannot go on; the family cannot live together. Sooner or later the relationship will be strained and may cause a split.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan yang kedua ialah "open to abuse". Dengan peruntukan seksyen ini adalah akan kita jumpa pada masa akan datang bagi mereka, terutamanya laki-laki yang kurang bertanggungjawab, menggunakan peruntukan ini sebagai alasan cerai. Dengan adanya dia boleh masuk jalan ini memeluk agama Islam, dan terus file petition to divorce his wife. Ini ialah kelemahan kedua yang saya anggap penting.

Sekianlah sahaja dan yang lain-lainnya saya sokong.

6.27 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak menentukan lagi sama ada hendak menyokong atau membangkang undang-undang ini kecuali setelah lepas mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang menggulung perbahasan kelak, tetapi walau bagaimana sekalipun, sepertimana telah disebutkan oleh Yang Berhormat rakan-rakan saya, saya sendiri pun berpendapat bahawa Akta yang ketiga ini ada mempunyai beberapa keraguan tentang keutuhan undang-undang yang sedang dibincang pada masa ini.

Kalau kita baca undang-undang ini disebut bahawa undang-undang ini tidak dipakai bagi seorang Islam atau mereka yang berkahwin di bawah undang-undang syarak, akan tetapi ada pula di dalam undang-undang ini yang nampaknya, pada saya yang bukan seorang ahli undang-undang contradiction. Bagi seorang Islam boleh juga digunakan undang-undang ini tetapi tidak disebut sama ada orang-orang yang berkahwin selepas daripada berkahwin yang mulanya, iaitu seorang yang berkahwin mengikut hukum syarak pada mulanya tidak boleh dipakai undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 27hb Jun, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.